

PERAMALAN KEMASUKAN BANDUAN KE PENJARA

Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Siswazah ini adalah sebagai
memenuhi sebahagian Program Sarjana Sains (Pengurusan);
Universiti Utara Malaysia

Oleh
Ahmad Faudzi Bin Awang

© **Ahmad Faudzi Bin Awang**, September 2000. Semua Hak Cipta Terpelihara



**Sekolah Siswazah
(Graduate School)
Universiti Utara Malaysia**

**PERAKUAN KERJA KERTAS PROJEK
(Certification of Project Paper)**

Saya, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(I, the undersigned, certify that)

AHMAD FAUDZI BIN AWANG

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of)

SARJANA SAINS PENGURUSAN

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk
(has presented his/her project paper of the following title)

PERAMALAN KEMASUKAN BANDUAN KE PENJARA

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek
(as it appears on the title page and front cover of project paper)

bahawa kertas projek tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan,
dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.
(that the project paper acceptable in form and content, and that a satisfactory
knowledge of the field is covered by the project paper).

Nama Penyelia
(Name of Supervisor):

MOHD. HANIZAN BIN ZALAZILAH

Tandatangan
(Signature)

Tarikh
(Date)

17 HB. SEPTEMBER 2000

AL-FATIIHAH

**Untuk ayah yang telah kembali ke rahmatullah
Semoga rohnya di tempatkan bersama para ambia'**

AMJJ

PERAKUAN KEBENARAN MENGGUNA

Sebagai sebuah tesis yang dikemukakan untuk memenuhi syarat pengajian Ijazah Sarjana, Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju membenarkan Perpustakaan Universiti menggunakannya untuk tujuan penyelidikan. Saya tiada halangan memberi kebenaran untuk tujuan rujukan dan penyelidikan terhadap sebahagian atau keseluruhan tesis ini. Untuk tujuan membuat salinan mestilah mendapat kelulusan daripada penyelia saya terlebih dahulu atau Dekan Sekolah Siswazah sekiranya penyelia gagal dihubungi. Adalah diingatkan bahawa menjadi satu kesalahan membuat salinan atau penerbitan atau menggunakan sebahagian atau keseluruhan tesis ini bagi tujuan mendapat sebarang imbuhan tanpa kebenaran bertulis dari saya. Sebarang pengiktirafan yang diberikan berkaitan penggunaan tesis ini hendaklah ditujukan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia.

Semua permohonan untuk membuat salinan atau kegunaan lain dari tesis ini, samada sebahagian atau keseluruhan, hendaklah dialamatkan kepada:

**Dekan Sekolah Siswazah
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman**

ABSTRAK

Kajian ini merupakan analisa saintifik meramal kemasukan banduan lelaki dan wanita ke penjara **Alor Setar**, Kedah bagi tempoh 2000 hingga 2005. Kajian ini juga bertujuan mengenalpasti model yang sesuai untuk membuat peramalan di samping melihat anggaran kemasukan banduan. Pendekatan model yang digunakan ialah regresi linear. Kajian ini melibatkan data kemasukan banduan sabitan lelaki (keseluruhan, warganegara Malaysia, warganegara asing) dan wanita (keseluruhan, warganegara Malaysia dan warganegara asing) dari tahun 1990 hingga 1999. Analisa diskriptif kepada 21,611 banduan dijalankan terhadap umur, tingkat pendapatan, taraf pendidikan, bilangan kali masuk, tempoh hukuman dan kesalahan berkaitan Akta Dadah Merbahaya. Keputusan yang di perolehi menunjukkan model regresi linear adalah lebih sesuai digunakan jika dibanding dengan model purata pergerakan tiga. Analisa menunjukkan kemasukan banduan lelaki dan wanita warganegara Malaysia adalah lebih sesuai dipilih sebagai data untuk membentuk dua model peramalan regresi linear. Ini disebabkan ralat yang kecil berbanding ralat yang diperolehi bagi kemasukan banduan kategori lain. Keputusan juga mendapati model regresi linear mempunyai ralat yang lebih kecil dari model purata pergerakan tiga. Kajian turut menunjukkan aliran kemasukan banduan lelaki meningkat selaras dengan penemuan yang di perolehi dari kajian di beberapa negara lain. Aliran kemasukan banduan wanita pula dijangka menurun sehingga tahun 2005. Penemuan ini adalah berbeza dengan beberapa kajian yang diiajukan di beberapa negara lain seperti Amerika Syarikat. Keputusan kajian ini dibatasi oleh data-data yang didapati dari tahun 1990 hingga 1999. Keputusan yang diperolehi menunjukkan masalah kesesakan banduan lelaki dijangka akan berterusan dan kelegaan ruang diramal akan berlaku kepada banduan wanita. Analisa diskriptif menunjukkan umur banduan yang dominan ialah di antara 21 hingga 39 tahun. Mereka yang tidak ada pendidikan atau hanya sekadar berpendidikan sehingga darjah enam, paling ramai mendiami penjara Alor setar. Mereka yang di sabitkan dengan kesalahan pertama dan kumpulan yang menjalani hukuman enam bulan dan kebawah adalah lebih ramai berbanding kumpulan lain. Kajian ini juga menunjukkan mereka yang berpendapatan RM 499.00 dan ke bawah merupakan kumpulan terbesar. Kesan kemasukan banduan sabitan kes dadah turut menjadi penyumbang kepada masalah kesesakan banduan lelaki di penjara Alor Setar.

ABSTRACT

This study is a scientific analysis to forecast the inflow of male and female prisoner to Alor Setar prison, Kedah from year 2000 to 2005. The objective of the study is to identify a suitable regression model as well as to study the expected admission of prisoner within the duration. The model used is linear regression. Data collected were all male prisoners (Malaysian male prisoner, foreign male prisoner), all female prisoner (Malaysian female prisoner and foreign female prisoner) from 1990 to 1999. A descriptive analysis was also carried out on the 21,611 prisoners covering age, income, educational status, recidivism, duration of imprisonment and conviction under Dangerous Drug Act. Result of the study indicated that linear regression is more suitable to be used compared to three moving average model. Analysis showed that data on Malaysian male and female prisoners admission is more suitable to be used to develop two *model* of linear regression forecasting model. This is because of the smaller forecasting error compared to data on other categories of prisoner. Linear regression also give smaller forecasting error compared to three moving average model. The also showed an increasing pattern of male prisoners by years, which is similar ti studies done in other state. Admission of female prisoners was expected to be reduced till year 2005. This is not compatible with other state done such as in United States. However, the result is limited by data collected from 1990 to 1999. This result indicated that overcrowding problem in male prison will go on and a reduction of female prisoners is expected. A descriptive analysis showed that most of the prisoners are in age group 21-39 years old. Those with no formal education or schooling until standard six only, is the highest group of prisoners. Most of the prisoners are convicted for the first time and detained for six month or less. Majority of them had an income of RM 499.00 or less. Overcrowding of male prisoners in Alor Setar prison is also contributed by prisoners convicted under Dangerous Drug Act.

PENGHARGAAN

Syukur ke Hadrat Allah S.W.T di atas Limpah KurniaNya merestui dan membenarkan kajian ini disiapkan. Sesungguhnya semua yang berlaku sehingga selesai penulisan kajian ini adalah di bawah petunjukMU.

Di rakamkan jutaan terima kasih kepada Encik Mohd. Hanizan bin Zalazilah yang bertindak sebagai penyelia. Cetusan idea, tunjuk ajar dan bantuan yang diberikan menjadi pemangkin utama bagi membantu menyiapkan penulisan ini.

Pegawai Yang Menjaga menerusi pegawai-pegawai di Unit Rekod Penjara Alor Setar merupakan mereka yang bertanggungjawab untuk menyalurkan data kasar, iaitu input utama yang menghasilkan output kajian ini. Tanpa bantuan mereka sukar untuk memperolehi semula data-data terdahulu yang amat berguna. Komitmen dan bantuan mereka adalah amat dihargai.

Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) yang memperakukan saya untuk meneruskan pengajian Sarjana Sains Pengurusan, Universiti Utara Malaysia ini adalah organisasi terlibat dalam menyediakan semua peruntukan yang di perlukan. Terima kasih di atas sokongan dan bantuan yang dihulurkan.

Emak, isteri tersayang; Habshoh Binti Hat , anak-anak tercinta; Aniq, Alya dan Alif serta keluarga yang sering ditinggalkan, telah menjadi pendorong dan cabaran utama untuk menamatkan pengajian ini. Pengorbanan, kesabaran dan sokongan yang kalian berikan adalah inspirasi yang amat berharga.

Kepada insan-insan lain yang terlibat, saya merakamkan penghargaan di atas apa jua bantuan yang dihulurkan sepanjang tempoh pengajian sehingga membantu dalam penyediaan dan persiapan kajian ini.

Semoga semua bantuan yang diberi akan beroleh balasan yang baik dariNYA.

INSYAALLAH.

JADUAL KANDUNGAN

mukasurat

TAJUK	
KEBENARAN UNTUK MENGGUNA	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
JADUAL KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
BAB 1 : PENGHARGAAN	
Latarelakang	1
Piagam Antarabangsa Untuk Melayan Pesalah	2
Pernyataan Masalah	3
Cabaran Mematuhi Piawaian Antarabangsa	4
Keberkesanan Program	5
Masalah kesihatan	5
Ancaman Keselamatan	5
Kejadian Melarikan diri	6
Kejadian Rusuhan Dalam Penjara	6
Kejadian Mogok Lapar	7
Kejadian Tebusan	7

Objektif Kajian	8
Soalan Penyelidikan	8
Kepentingan Kajian	8
 BAB 2 : ULASAN KARYA TERPILIH	
Pandangan Kuantitatif Populasi Penjara Di Masa Hadapan	13
Pandangan Kualitatif Populasi Penjara Di Masa Hadapan	16
Faktor-Faktor Peningkatan Populasi Penjara	17
Kesan Peningkatan Populasi Penjara	20
Faktor Gender	23
Teori Perlakuan Jenayah	24
Teori Positif Biologikal	25
Teori Kritikal	25
Teori Konflik	25
Teori Radikal	26
Teori Feminin	26
Rumusan Ulasan Karya Terpilih	27
 BAB 3 : METODOLOGI	
Lokasi	29
Tujuan Kajian	29
Jenis Penyiasatan	30
Campurtangan Penyelidik Dan Suasana Kajian	30
Unit Analisis	30
Faktor Masa Dan Data	31

Kerangka Teori	31
Analisa Data	32
Model	32
Pekali Penentuan (R^2)	34
Pemilihan Model	35
Ralat Peramalan	35
Analisa Diskriptif	36

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

Hasil Kajian	37
Nilai Peramalan Menerusi Model Regresi	40
Model Purata Pergerakan Tiga (Three Moving Avarage)	52
Ralat Peramalan	53
Dapatan Analisa Diskriptif	66
Umur	67
Taraf Pendidikan	68
Tempoh Hukuman	69
Bilangan Kali Masuk	70
Tingkat Pendapatan	71

BAB 5 : PERBINCANGAN

Data	72
Kesan Pekali Penentuan (R^2)	74
Pembahagian Gender	74

Pemilihan Model	75
Kaedah Ralat Peramalan	75
Perbandingan Model	78
Aliran Kemasukan Banduan	78
Analisa Diskriptif	80
Pengaruh Umur	80
Taraf Pendidikan	81
Tingkat Pendapatan	82
Bilangan Kali Masuk Penjara	83
Tempoh Hukuman	83
Banduan Kes Dadah	85
Status Penjara Alor Setar Masa Kini Dan Masa Hadapan	86
BAB 6 : KESIMPULAN DAN CADANGAN	
Kesimpulan	87
Cadangan	89
BIBIOGRAFI	92
APPENDIK	

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Mukasurat
1	Nilai a , b , R^2	37
2	Kemasukan Sebenar Dan Diramalkan Keseluruhan Banduan Lelaki	40
3	Kemasukan Sebenar Dan Diramalkan Banduan Lelaki Warganegara Malaysia	42
4	Kemasukan Sebenar Dan Diramalkan Banduan Lelaki Warganegara Asing	44
5	Kemasukan Sebenar Dan Diramalkan Keseluruhan Banduan Wanita	46
6	Kemasukan Sebenar Dan Diramalkan Banduan Wanita Warganegara Malaysia	48
7	Kemasukan Sebenar Dan Diramalkan Banduan Wanita Warganegara Asing	50
8	Kemasukan Sebenar Dan Diramalkan ~ Model Purata Pergerakan Tiga	52
9	Ramalan Kemasukan Banduan Pada Tahun 2000 Mengikut Kategori	53
10a	Ralat Peramalan Kemasukan Keseluruhan Banduan Lelaki~Model Regresi	54
10b	Ralat Peramalan Kemasukan Keseluruhan Banduan Lelaki~Model Purata Pergerakan Tiga	55
11a	Ralat Peramalan kemasukan Keseluruhan Banduan Wanita~Model regresi	56
11b	Ralat Peramalan Kemasukan Keseluruhan Banduan Wanita~Model Purata Pergerakan Tiga	57
12a	Ralat Peramalan Kemasukan Banduan Lelaki Warganegara Malaysia~Model Regresi	58

12b	Ralat Peramalan Kemasukan Banduan Lelaki Warganegara Malaysia~Model Purata Pergerakan Tiga	59
13a	Ralat Peramalan Kemasukan Banduan Lelaki Warganegara Asing ~ Model Regresi	60
13b	Ralat Peramalan Kemasukan Banduan Lelaki Warganegara Asing ~ Model Purata Pergerakan Tiga	61
14a	Ralat Peramalan Kemasukan Banduan Wanita Warganegara Malaysia ~ Model Regresi	62
14b	Ralat Peramalan Kemasukan Banduan Wanita Warganegara Malaysia ~Model Purata Pergerakan Tiga	63
15a	Ralat Peramalan Kemasukan Banduan Wanita Warganegara Asing ~ Model Regresi	64
15b	Ralat Peramalan Kemasukan Banduan Wanita Warganegara Asing ~ Model Purata Pergerakan Tiga	65
16	Kemasukan Tahunan Banduan Lelaki Dan Wanita Warganegara Malaysia Dan Asing	72
17a	Pemilihan Model Kemasukan Banduan Lelaki	76
17b	Pemilihan Model Kemasukan Banduan Wanita	76
18	Kemasukan Banduan Diramalkan Tahun 2000 Hingga 2005	79

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Mukasurat
1	Kerangka Teori	31
2	Kemasukan Sebenar Dan Diramalkan Keseluruhan Banduan Lelaki Sabitan	41
3	Kemasukan Sebenar Dan Diramalkan Banduan Lelaki Sabitan Warganegara Malaysia	43
4	Kemasukan Sebenar Dan Diramalkan Banduan Lelaki Sabitan Warganegara asing	45
5	Kemasukan Sebenar Dan Diramalkan Keseluruhan Banduan Wanita Sabitan	47
6	Kemasukan Sebenar Dan Diramalkan Banduan Wanita Sabitan Warganegara Malaysia	49
7	Kemasukan Sebenar Dan Diramalkan Banduan Wanita Sabitan Warganegara Asing	51
8	Pecahan Banduan Sabitan Mengikut Gender	66
9	Taburan Umur Banduan Sabitan	67
10	Taraf Pendidikan Banduan Sabitan	68
11	Taburan Hukuman Banduan Sabitan	69
12	Bilangan kali Masuk Penjara Banduan Sabitan	70
13	Tingkat Pendapatan Banduan sabitan	71
14	Kemasukan Tahunan Banduan Sabitan Mengikut Gender Dan Warganegara	73
15	Pecahan Kes Banduan Sabitan Akta Dadah Merbahaya	85

BAB 1

PENDAHULUAN

Latarbelakang

Falsafah hukuman penjara terhadap pesalah adalah sebagai satu pembalasan, deraan, menyekat atau menghalang perulangan kejadian jenayah dan pemulihan. Perubahan masa yang berlaku memperlihatkan tujuan hukuman lebih diberi penekanan terhadap aspek pemulihan pesalah, Khoo Oon Soo (1987). Pemulihan yang diperkenal terhadap pesalah bertujuan memperbaiki diri untuk mencegah tingkah laku dari terlibat semula dalam kejadian yang tidak mematuhi peraturan negara.

Kebanyakan negara di dunia lebih cenderung untuk melaksanakan penguatkuasaan menerusi sistem perundangan untuk menghadapi mereka yang tidak mematuhi peraturan dan undang-undang. Tindakan di susuli dengan memperuntukan hukuman penjara sebagai satu kaedah untuk melawan jenayah yang berlaku, Hetti Gamage Dharmadasa (1990). Keadaan di Malaysia tidak terkecuali di mana bagi kesalahan yang dilakukan akan terdapat peruntukan penjara sebagai hukuman teras walaupun dalam kes-kes tertentu terdapat peruntukan pilihan dan tambahan seperti berbentuk denda.

Memandangkan situasi semasa yang lebih tertumpu kepada hukuman penjara sebagai balasan ke atas jenayah yang dilakukan, satu perancangan

yang rapi dan tersusun perlu dijalankan supaya institusi penjara yang ada dapat merencanakan program dan aktiviti kepada banduan dengan lebih baik. Perkara ini bukan sahaja dilihat dari aspek menjalankan hukuman kepada banduan tetapi membantu mengujudkan kesedaran kepada mereka untuk kembali kepada masyarakat sebagai insan yang berguna selepas menjalani hukuman.

Piagam Antarabangsa Untuk Melayan Pesalah

Layanan terhadap pesalah di penjara, telah digariskan dalam satu piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) iaitu di dalam 'United Nation Standard Minimum Rules – Treatment for Prisoners' (UNSMR). Piagam tersebut menggariskan standard yang perlu di patuhi oleh negara-negara di dunia supaya satu kaedah layanan terhadap kumpulan banduan kekal sebagai layanan yang berperikemanusiaan. Dengan kata lain hanya kebebasan banduan yang membezakan mereka dengan masyarakat bebas sedangkan keperluan asas dan hak asasi mereka tetap diberikan walaupun berkurangan berbanding dengan masyarakat biasa. Menurut William G. Archambeault dan Betty J. Archambeault (1982), sejak dahulu lagi sistem penjara adalah bertanggungjawab untuk memberi keperluan asas yang minima kepada banduan seperti keperluan makanan, tempat penginapan, pakaian dan kemudahan perubatan. Perkara ini telah diputuskan oleh mahkamah di Amerika Syarikat dalam kes *Coffin v. Reichard* (1944).

Untuk melaksanakan standard yang di tetapkan, ia masih mempunyai masalah di sebabkan perbezaan tempat dan masa. Secara umumnya terdapat dua bahagian piawaian di dalam UNSMR iaitu;

- **Bahagian I** ~ memberi peruntukan yang meliputi pengurusan institusi penjara secara am, mengkelaskan kategori banduan kepada jenayah atau sivil, hukum atau menunggu perbicaraan, banduan yang mengancam keselamatan atau banduan yang perlu menjalani program pemulihan.
- **Bahagian II** ~ meliputi peruntukan terhadap kategori tertentu seperti layanan terhadap banduan yang telah di hukum dan yang belum di hukum, banduan yang mempunyai masalah kesihatan seperti mental, banduan kes-kes sivil dan banduan yang ditahan tanpa pertuduhan. Ianya berkisar mengenai hak-hak banduan yang perlu dan boleh diberikan kepada mereka.

Kesesakan dalam penjara telah menyebabkan layanan terhadap banduan tidak dapat mematuhi sepenuhnya piagam UNSMR. Namun setiap negara berusaha untuk mematuhi juga piagam tersebut berdasarkan cara dan kemampuan masing-masing.

Penyataan Masalah

Secara umumnya penjara Alor Setar menghadapi kesesakan banduan seperti beberapa negara-negara lain di dunia. Penjara Alor Setar dibina pada tahun 1893 berkeluasan 9.366 hektar dengan 3.2722 hektar kawasan menempatkan banduan dan selebihnya (6.0938 hektar) kawasan rumah dan riadah kakitangan. Institusi ini berkemampuan untuk menempatkan seramai 940 banduan pada suatu masa iaitu 790 banduan lelaki dan 150 banduan wanita. Pada peringkat awal penubuhannya, rancangan penempatan adalah jauh lebih rendah dari angka tersebut. Kemasukan yang berterusan

khususnya pesalah-pesalah dari Kedah dan Perlis telah mengakibatkan usaha telah dibuat dengan menambahkan ruang penempatan di dalam penjara. Ini termasuklah mendirikan bangunan baru. Walaubagaimana pun pembinaan yang dibuat tidak melibatkan penambahan keluasan tapak penjara asal. Akibatnya, ruang lapang dalam penjara telah menjadi semakin kecil.

Perancangan untuk menghadapi kemasukan banduan perlu dibuat supaya pengurusan organisasi penjara dapat dijalankan dengan lebih bersistematik dan berkesan. Segala kelengkapan dan keperluan yang perlu di adakan dapat disediakan lebih awal. Ini adalah sesuatu yang penting kerana berurusan dengan banduan tidak membenarkan kelengkapan milik mereka di luar dibawa masuk ke dalam penjara. Segala keperluan asas akan di sediakan. Banyak faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku, khususnya faktor keselamatan.

Masalah kesesakan di dalam penjara perlu di ketahui lebih awal supaya pengurusan penjara dapat mengambil tindakan awal yang sewajarnya supaya tidak berlaku atau meminimakan insiden yang tidak di ingini. Sejarah telah membuktikan, kesan dari masalah kesesakan banduan di penjara boleh mengakibatkan fenomena lain.

Cabaran Mematuhi Piawaian Antarabangsa

Kegagalan untuk mematuhi sepenuhnya piawaian antarabangsa mengenai layanan terhadap pesalah sepertimana yang terkandung

di dalam 'United Nation Standard Minimum Rules' seperti ruang tempat tinggal untuk pesalah di dalam penjara.

Keberkesanan Program

Tahap keberkesanan dasar dan program seperti kaunseling terhadap pesalah akan terganggu kerana lebih banduan yang berlaku tidak mampu di imbangi oleh tenaga pegawai rundingcara yang ada.

Masalah Kesihatan

Masalah penyakit yang dibawa oleh banduan boleh merebak dan menjangkiti banduan lain. Ini kerana kekurangan tempat untuk mengasingkan golongan tersebut dan ianya berlaku kerana banduan tidak memaklumkan kepada pengurusan penjara tentang penyakit yang mereka alami samada atas faktor tidak menyedarinya atau ingin menyembunyikan perkara tersebut dari di ketahui oleh orang lain, seperti pembawa virus HIV.

Ancaman Keselamatan

Mengakibatkan aspek kawalan keselamatan terhadap banduan menjadi lebih longgar dan gagal untuk memberi penuh tumpuan. Perkara ini di sebabkan pertambahan banduan tidak di ikuti dengan pertambahan kakitangan penjara. Ini boleh menyebabkan ruang untuk mengujudkan pakatan negatif di kalangan mereka. Apabila gejala seperti

ini gagal dikesan pada peringkat awal, kesannya amat merbahaya dan boleh membawa ancaman terhadap keselamatan penjara.

Kejadian Melarikan Diri

Rekod kelarian tahun 1997 di Penjara Cape Town, Afrika Selatan seramai 4,000 orang. Insiden yang sama berlaku di pusat penempatan juvana Bangkok, Thailand di mana lebih dari 1,200 orang juvana telah melarikan diri dari tahanan dalam tempoh seminggu, (Berita Harian 2000).

Kejadian Rusuhan Dalam Penjara

Kejadian rusuhan berlaku di penjara Lima, Peru yang mengakibatkan lima orang banduan terbunuh. Kumpulan banduan telah bertindak kerana menuntut layanan yang lebih baik dari pihak pengurusan dan masalah kesesakan yang berlaku di dalam penjara berkenaan, (Malay Mail 2000).

Kejadian rusuhan dilakukan oleh banduan di penjara Palestin, ekoran dari tindakan 600 orang banduan membantah tentang layanan buruk yang mereka terima di samping tindakan yang diambil untuk memperketatkan lagi sistem keselamatan di penjara tersebut, (Berita Harian 1999).

Dua kejadian rusuhan dalam tempoh seminggu berlaku melibatkan kira-kira 430 orang banduan di penjara Brazil. Mereka memecahkan penjara yang penuh sesak dan menuntut layanan yang lebih baik. Kejadian rusuhan yang serupa berlaku di penjara Colombo, Sri Lanka apabila tahap penempatan banduan mencapai 3,000 orang sedangkan kapasiti sebenar hanyalah 1,800 orang sahaja, (Sun 1997).

Kejadian Mogok Lapar

Tindakan mogok lapar dilakukan oleh 1,400 banduan di penjara Paraguay, dengan mengemukakan tuntutan supaya layanan lebih baik diberikan kepada mereka, (Berita Harian 2000).

Kejadian Tebusan

Kejadian tebusan di penjara Bogota, Colombia apabila banduan menjadikan wanita dan kanak-kanak yang melawat penjara tersebut sebagai tebusan. Kejadian berpunca dari kegagalan kawalan yang rapi, (Berita Harian 1999).

Laporan kejadian 13 orang banduan telah dibunuh dengan cara dibakar hidup-hidup oleh kumpulan banduan yang lain di penjara Soa Paulo, Brazil selepas berlaku perselisihan faham di kalangan banduan dalam tahanan, (Harian Metro 1999).

Dua kejadian tebusan yang berlaku di Malaysia iaitu di penjara Pudu, Kuala Lumpur dan di penjara Kuantan, Pahang pada tahun 1989, juga mempunyai kaitan dengan masalah kesesakan.

Objektif Kajian

1. Mengenalpasti model regresi untuk meramal kemasukan banduan lelaki dan wanita yang di sabitkan.
2. Melihat aliran (trend) kemasukan tahunan banduan lelaki dan wanita yang di sabitkan.
3. Menganggarkan bilangan banduan lelaki dan wanita yang di sabitkan bagi tempoh 2000 – 2005.

Soalan Penyelidikan

- i. Apakah model regresi yang sesuai digunakan untuk meramal kemasukan banduan yang di sabitkan ke penjara Alor Setar?
- ii. Berapakah anggaran kemasukan banduan ke penjara Alor Setar bagi tempoh 2000 – 2005 berdasarkan model regresi yang di wujudkan?
- iii. Apakah kedudukan dan kesan demografi banduan?
- iv. Adakah aliran kemasukan banduan ke penjara Alor Setar mengikut sepertimana aliran di kebanyakan penjara di dunia?

Kepentingan Kajian

Berdasarkan kes-kes dan kejadian yang berlaku di penjara berkenaan, telah memberi satu peringatan bahawa kejadian yang sama tidak terhad dan

terbatas di suatu tempat sahaja. Bukan mustahil kejadian yang tidak pernah berlaku sebelum ini akan berlaku di penjara negara ini dan menjadi lebih teruk lagi. Sistem komunikasi yang cukup baik pada masa sekarang boleh menjadi satu prasarana maklumat berhubung kejadian di penjara luar negeri boleh berlaku di dalam penjara negara ini.

Insiden-insiden yang berlaku boleh di sebabkan oleh faktor kesesakan. Ini telah di buktikan menerusi laporan yang dikemukakan terhadap insiden yang terjadi. Kesan kesesakan di dalam penjara mengakibatkan kemudahan asas yang diberi tidak mencukupi dan kegagalan memberi penumpuan penuh terhadap aspek kawalan keselamatan. Keadaan ini membuka ruang kepada banduan mendapat pengaruh untuk melakukan tindakan yang tidak di ingini di kalangan mereka. Kebanyakan tindakan tersebut hanya di sedari selepas berlakunya insiden.

Bertitik tolak dari perkara ini, meramal kemasukan banduan ke penjara menjadi penting dan sebagai satu tindakan proaktif dari pengurusan. Tindakan ini boleh membantu untuk mendapatkan maklumat awal bagi membentuk dasar dan menyusun perancangan lain yang di perlukan, seperti mengenalpasti bilangan anggota dan kakitangan penjara dalam sesuatu masa. Tan Sri Ahmad Sarji Bin Abdul Hamid (1995), pernah menegaskan bahawa antara sifat pemimpin yang di perlukan ialah mempunyai keupayaan menelaah (forecast) perubahan yang di jangka berlaku. Ini kerana pemimpin yang proaktif sentiasa menganalisa dan membaca persekitarannya, berfikiran strategik dalam merebut peluang dan tepat pada masanya, di samping menepis ancaman lebih awal dan

meminimumkan risiko. Mereka mampu mengawal perubahan dan bukan dijerat atau dihanyut oleh perubahan. Setiap masalah yang di hadapi adalah secara berdepan, bertanggungjawab menyelesaikannya dan bijak mencari berbagai alternatif untuk menyelesaikan masalah tersebut. James A. F Stoner dan Charles Wankel (1985), menyatakan pengurus di semua peringkat organisasi perlu merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal. Perancangan di perlukan supaya objektif organisasi dapat di tentukan, diikuti tatacara pelaksanaan yang paling baik di buat bagi mencapainya. Perancangan membolehkan;

- Perolehan dan penggunaan sumber-sumber yang di perlukan untuk mencapai objektif-objektif.
- Anggota organisasi dapat meneruskan aktiviti kerja selaras dengan objektif-objektif dan tatacara yang di pilih.
- Kemajuan ke arah mencapai objektif dapat dikawal dan di nilai supaya tindakan boleh diambil bagi membetulkan keadaan jika kadar kemajuan di dapati tidak memuaskan.

Ahmad Mohd Yusuf (1992), menyatakan keperluan untuk membuat ramalan dalam pengurusan semakin meningkat, terutama bagi mencapai matlamat dan objektif sesebuah organisasi. Pengurusan kini lebih menitikberatkan penggunaan kaedah kuantitatif dan saintifik dalam pengendalian urusan organisasi dan bukannya bergantung pada nasib dan peluang. Kebanyakan keputusan yang dibuat dalam kehidupan seharian melibatkan penelahan suatu keadaan yang akan terjadi di masa hadapan. Untuk mencapai satu keputusan yang lebih baik aspek perancangan dan peramalan memerlukan

pemerhatian yang jelas terhadap sesuatu keadaan. Perkembangan pesat dalam bidang teknologi komputer dan perisiannya telah membantu memudahkan teknik peramalan yang suatu ketika dahulu amat sukar dilakukan. Pandangan ini turut di persetujui oleh Allen R. Beck (1997), dengan menyatakan agensi pemulihan menggunakan teknologi untuk perancangan sebagai peluang untuk meningkatkan pemikiran dan amalan pengurusan pesalah dan akan mengubah keadaan ketidakcekapan kaedah masa lampau kepada satu keadaan yang lebih cekap.

Bill Tracking (1996) berpendapat lebih atau kekurangan dalam jangkaan bilangan pesalah akan melibatkan kos kewangan dan kos bukan kewangan seperti kerunsingan mereka yang menjadi mangsa jenayah. Menurut beliau lagi pada tahun 1988 Jabatan Pemulihan Virginia menjadi institusi pertama menggunakan simulasi komputer dalam meramalkan populasi penjara, di mana hasilnya adalah lebih tepat.

Allen R. Beck (1996), berpendapat bahawa data berhubung hasil peramalan pesalah dapat membantu pengurusan untuk membuat keputusan dalam menentukan keperluan kakitangan bagi mengawal penjara. Pihak yang meramal memainkan peranan untuk menyokong menyalurkan maklumat dalam proses membuat keputusan. Seterusnya beliau berpendapat bahawa tujuan kajian pengurusan populasi pesalah adalah untuk mengemukakan maklumat yang boleh membantu strategi pembangunan menerusi dua keadaan iaitu;

- Meramalkan pertumbuhan populasi penjara.
- Memastikan penjara sentiasa di bawah penyeliaan dan rancangan pemulihan.

Maklumat kajian ini boleh membantu pengurusan penjara untuk menentukan berapa banyakkah ruang tambahan yang perlu disediakan atau membina sebuah penjara yang baru. Seterusnya beliau berpendapat bahawa untuk memperolehi pemahaman yang lebih jitu, peramal perlu mengambilkira empat faktor iaitu;

- Adakah dasar keadilan jenayah berubah, yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan populasi pesalah?
- Apakah perkaitan jenayah dan tangkapan? Allen R. Beck berpendapat bukanlah sesuatu yang luar biasa untuk mendapati kejadian jenayah berkurangan, tetapi kadar tangkapan meningkat. Tambahan pula apa yang menyebabkan peningkatan dalam jenayah tidak semestinya membawa kepada peningkatan serta merta terhadap kadar tangkapan atau sebaliknya.
- Sejauhmanakah proses kehakiman terhadap tertuduh berfungsi di dalam sistem keadilan jenayah?
- Apakah alternatif lain yang boleh di peruntukan kepada kesalahan/hukuman berat? Berdasarkan pengalaman, beliau berpendapat dua pertiga populasi penjara adalah terdiri dari mereka yang terlibat dengan kesalahan berat. Walaubagaimana pun beliau bersetuju tidak semua pesalah bagi kesalahan berat itu boleh diberi hukuman alternatif.

BAB 2

ULASAN KARYA TERPILIH

Pandangan Kuantitatif Populasi Penjara Di Masa Hadapan

Negara yang peka terhadap sistem kepenjaraan telah melaksanakan rancangan peramalan bilangan populasi penjara sebagai langkah proaktif. Langkah seperti ini akan membantu pihak pengurusan untuk membuat persediaan dan mengambil tindakan awal bagi mengelak masalah di kemudian hari. Parker Eratt, Larry Fields dan R. Phil Roofs (1996) menyatakan, laporan yang dikeluarkan oleh General Accounting Office (GAO), menunjukkan populasi penjara Persekutuan dan Negeri, Amerika Syarikat meningkat dari 329,000 orang pada tahun 1980 kepada 1.1 juta orang pada tahun 1995, di mana menunjukkan peningkatan sebanyak 242%. Peningkatan bilangan pesalah memerlukan perancangan serta tindakan yang inovatif bagi mencegah masalah besar dari berlaku. Ini boleh dilaksanakan dengan menyediakan kemudahan pada peringkat lebih awal.

Antara aspek perancangan lain yang boleh dikaitkan dalam dunia kepenjaraan menerusi peramalan pesalah di masa depan ialah pembentukan dasar baru yang memberi alternatif kepada hukuman penjara. Jesse Katz (2000), menyatakan banduan di Amerika Syarikat kini yang mencecah angka dua juta orang telah mendorong para pemikir mengemukakan cadangan untuk mengujudkan alternatif kepada hukuman penjara. Sebelum ini bermula

1990 tiada gambaran yang memberi petunjuk bahawa bilangan banduan akan melebihi satu juta orang dan angka ini (dua juta) adalah sesuatu di luar jangkaan. Kenyataan ini disokong oleh Vincent Schiraldi (2000) dengan menambah bahawa keadaan ini adalah merupakan satu rekod.

Peramalan terhadap bilangan pesalah dapat membantu perancangan dalaman penjara sepertimana Jon E. Dougherty (2000), berpendapat bilangan banduan di penjara persekutuan Amerika Syarikat di jangka meningkat 50% bagi tempoh enam tahun akan datang iaitu dari 119,000 orang kepada 178,000 orang, di mana angka ini menyebabkan Biro Penjara mengemukakan tuntutan untuk mendapatkan lebih peruntukan bagi menyediakan kemudahan yang lebih baik, di antaranya membina penjara baru iaitu menambah dari 25 buah penjara sedia ada pada tahun 1990 kepada 90 buah menjelang tahun 2005.

Pengkaji dan individu lain yang memberi perhatian pada permasalahan ini turut mengemukakan pandangan dan memberi idea ke arah kebaikan negara masing-masing. Ministry Of Justice New Zealand (1999), melaporkan bahawa aliran statistik banduan di New Zealand pada tahun 1983 hingga 1995 menunjukkan kes yang serius di buktikan telah meningkat 53% dan begitu juga kes yang serius yang masih dalam tindakan pihak polis, manakala kes ringan (tidak serius) sekadar diberi amaran. Purata bilangan kesalahan berulang selalunya meningkat berbanding kesalahan pertama dan kesalahan lebih dilakukan oleh golongan dewasa yang mempunyai latarbelakang jenayah yang panjang. Laporan seperti ini akan memberi kesedaran kepada

pihak lain yang bertanggungjawab supaya memberi perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Aaron Gervick (2000), memberi gambaran lain tentang kedudukan pesalah di penjara di mana beliau membuat analisa nisbah antara bilangan banduan dan penduduk. Keadaan seperti ini boleh menggambarkan tahap seriusnya jenayah bagi sesebuah negara. Menurut beliau, berdasarkan laporan Biro Of Justice Statistic Amerika Syarikat, kombinasi banduan di penjara Persekutuan dan Negeri menunjukkan bahawa Amerika mempunyai 627 orang banduan bagi setiap 100,000 orang penduduknya. Angka ini menunjukkan peningkatan sebanyak 4.8% setahun berbanding 2.3% pada tahun 1979. Angka yang tinggi dicatatkan bagi banduan wanita (6.5%) berbanding lelaki (4.7%). Kadar jenayah kebangsaan menurun, tetapi berlaku peningkatan dalam populasi penjara sejak 1990, di mana bilangan pesalah di penjara Persekutuan meningkat 106% dan penjara Negeri meningkat 65%.

Menurut Kevin O'Grady (1998), penjara Pretoria, Afrika Selatan menghadapi kesesakan akibat lebih 220% dari kadar sepatutnya iaitu 2,276 orang dan kebanyakannya adalah mereka yang menunggu perbicaraan. Beliau menyatakan ketika lawatan Pesuruhjaya Helen Suzman dan Jody Kollapen ke penjara telah mendapati kesesakan telah memberi kesan terhadap keselesaan ruang tempat tinggal banduan dan kemudahan tandas, tempat mandi, dapur, tempat makan, kain selimut dan keperluan asas yang lain. Bilik yang sepatutnya menempatkan 28 hingga 30 orang telah diisi seramai 50 hingga 55 orang banduan.

Masalah kesesakan banduan di penjara bukanlah satu masalah baru. The Oregonian (1996), menyatakan kesesakan di penjara Oregon, Amerika Syarikat akan berterusan apabila bilangan banduan di jangka meningkat 10.5% setahun. Pada Julai tahun 1997 terdapat kira-kira 9,368 orang dan diramalkan kepada 19,500 orang pada Julai tahun 2005 iaitu peningkatan sebanyak 158%.

Sue Tringgs (1995) menjangkakan populasi penjara di New Zealand akan meningkat 50%, iaitu daripada 4,540 orang pada tahun 1993 kepada 6,760 orang pada tahun 2005. Banduan lelaki diramalkan meningkat dari 3,905 kepada 5,860 antara 1993 dan 2005, berbanding wanita dari 148 kepada 190 bagi tempoh yang sama.

Phil Manzano (1996) menyatakan rancangan pembangunan penjara Oregon, Amerika Syarikat dilakukan berasas peramalan pertambahan dalam peningkatan bilangan banduan dari 8,500 (1996) kepada 19,246 orang menjelang sembilan tahun akan datang. Ekoran daripada itu Jabatan Pemulihan Oregon merancang membina 10 penjara di lapan tapak baru dan menambahkan ruang di empat penjara sedia ada menjelang tahun 2005, untuk menampung pertambahan banduan yang mendadak.

Pandangan Kualitatif Populasi Penjara Di masa Hadapan

Ada pendapat dan pandangan yang mengutarakan permasalahan bilangan banduan masa hadapan secara umum. Namun anggapan seperti ini tidak

boleh di abaikan kerana situasi semasa tentang jenayah yang berlaku telah membantu memberi gambaran awal. Zheng Yong (1990), berkata China juga menghadapi masalah kesesakan banduan sepertimana di alami oleh kebanyakan penjara lain di dunia. Angka kemasukan menunjukkan peningkatan yang jelas tahun demi tahun. Tahap masalah ini bergantung dan berbeza mengikut satu tempat ke satu tempat yang lain dan juga antara satu masa dan masa yang lain. Kerajaan China juga menaruh perasaan prihatin terhadap masalah ini dan berusaha untuk mengatasi masalah tersebut.

Joseph K. Giten (1997) beranggapan negara Kenya juga menghadapi masalah peningkatan kadar jenayah yang kian kompleks dan bertambah mengikut masa. Jenayah utama ialah pengedaran dadah dan kes culik yang telah memberi kesan dan cabaran yang cukup hebat terhadap sistem keadilan jenayah negara tersebut.

Faktor-Faktor Peningkatan Populasi Penjara

Pertambahan kemasukan banduan ke penjara telah di kenalpasti berlaku. Di kebanyakan negara. Sesuatu yang menarik ialah faktor-faktor yang di kenalpasti itu tidak banyak bezanya di antara negara. Ini menunjukkan punca-punca kejadian jenayah adalah bersifat sejagat. Keadaan seperti ini juga memberi gambaran bahawa sesuatu kejadian di sesebuah negara boleh memberi kesan kepada negara yang lain. Aaron Gervick (2000) menyatakan terdapat beberapa faktor yang menyumbang peningkatan jumlah populasi penjara;

- Bilangan banduan diberi parol telah kembali ke penjara meningkat 39%.
- Mahkamah baru di wujudkan meningkat 4%.
- Kadar pembebasan menurun iaitu 37% pada tahun 1990 kepada 31% pada tahun 1997.
- Banduan menjalani hukuman lebih panjang iaitu purata 27 bulan pada 1997 berbanding 22 bulan pada 1990.

Masalah dadah telah di kenalpasti di antara penyumbang utama kejadian jenayah dan meningkatkan populasi penjara. James Phillips (2000), berpendapat masalah penagihan dadah menjadi penyebab utama kepada peningkatan populasi penjara dan terlibat secara langsung dalam meningkatkan jumlah jenayah dan kesalahan ulangan. Data dari Program Peramalan Penggunaan Dadah menunjukkan peningkatan dari 60% (1987) kepada 85% pada masa sekarang.

Robert L. Dupont (1997) turut sependapat bahawa pengaruh daripada dadah akan mengakibatkan kejadian jenayah lain seperti serangan, rompakan, rogol dan bunuh.

Hetti Gamage Dharmadasa (1990) pula berpandangan kebanyakan negara di dunia menggunakan sistem perundangan dengan memperuntukan hukuman penjara sebagai satu kaedah untuk melawan jenayah. Di Sri Lanka pada tahun 1987 kira-kira 8,169 (61.16%) daripada 13,355 banduan adalah merupakan mereka yang di hukum di bawah enam bulan. Selain itu peningkatan dan kesesakan banduan di penjara juga di akibatkan oleh kegagalan banduan untuk membayar denda yang dikenakan oleh mahkamah

atas kesalahan yang dilakukan iaitu 10,470 (78.39%) daripada 13,355 banduan pada tahun 1987. Masalah banduan reman juga menjadi punca kesesakan di penjara Sri Lanka di mana pada tahun 1987 kemasukan seramai 59,452 banduan reman berbanding banduan hukum 13,355 orang sahaja.

Robert L. Dupont (1997) berkata data peramalan penggunaan dadah (drug use forecasting data) yang di pelopori oleh Eric Wish, telah memaklumkan dengan jelas bahawa terdapat korelasi yang tinggi di antara penyalahgunaan dadah dan kejadian jenayah yang berlaku. Beliau menambah, apabila manusia telah sebat dengan perlakuan penyalahgunaan dadah dan jenayah, mereka akan menghasilkan satu budaya baru dan mengabaikan nilai keagamaan.

James Phillips juga bersetuju bahawa masalah dadah telah menyumbang kepada pertumbuhan populasi penjara dan bertanggungjawab terhadap peningkatan kejadian jenayah dan kesalahan ulangan. Beliau mengemukakan laporan hasil kajian National Institute Of Justice yang menilai program di California, New York, Oregon dan Delamare, mendapati program pemulihan penjara dan rawatan susulan (aftercare) adalah berkesan untuk membantu mengubah tabiat penagihan dadah dan sekaligus penglibatan dalam jenayah.

Keadaan seperti itu tidak terkecuali di Malaysia di mana masalah dadah adalah di antara penyumbang utama pesalah di dalam penjara Alor Setar. Terdapat faktor lain yang juga membantu memburukkan lagi keadaan, iaitu

masalah tahanan reman dan tahanan imigresen. Mohd. Yassin Bin Jaafar (1992) menerangkan bahawa antara punca kesesakan banduan di penjara Malaysia di akibatkan oleh banduan reman dan tahanan imigresen. Pada penghujung tahun 1992, terdapat seramai 23,242 orang banduan di seluruh penjara Malaysia dan 4,756 atau 20.5% daripadanya adalah merupakan banduan reman. Pada masa yang sama terdapat seramai 3,548 orang tahanan di bawah akta imigresen dan angka ini menyumbang 15.3% daripada keseluruhan populasi penjara.

Kesan Peningkatan Populasi Penjara

Sejarah telah membuktikan, kesesakan banduan di dalam penjara boleh mengundang perkara yang tidak di ingini seperti rusuhan, mogok, melarikan diri dan tebusan. Contoh peristiwa-peristiwa tersebut telah di gambarkan di dalam Bab 1.

Kejadian yang mengancam keselamatan dan kesan terhadap aspek kewangan kerajaan adalah kesan utama yang sering dikaitkan dengan penempatan pesalah di penjara. John J. Dilulio (1996) menyatakan kerajaan Amerika membelanjakan kira-kira USD 25,000 setahun untuk setiap banduan yang ditempatkan di penjara. Manakala perbelanjaan perkhidmatan penjara di England dan Wales mencapai UKP 750,000,000. Mohd Yassin Bin Jaafar (1992) menyatakan anggaran tanggungan kewangan bagi seorang banduan ialah RM 15.31 sehari atau RM 5,588.15 setahun. Ini meliputi makan, minum, kawalan dan semua urusan berhubung dengan mengurus seorang banduan.

Selain dari itu kesesakan yang berlaku juga telah mengganggu program pemulihan pesalah akibat bilangan pesalah yang meningkat gagal di sertai dengan peningkatan kakitangan penjara. Hetti Gamage Dharmadasa (1990) menyatakan peningkatan populasi dan kesesakan dalam penjara adalah faktor yang menyebabkan kesulitan mematuhi sepenuhnya kehendak United Nation Standard Minimum Rules bagi program pemulihan banduan di kebanyakan negara. Ini adalah kerana perkhidmatan dan pembekalan kemudahan yang cukup terhad berbanding bilangan banduan.

Hetti Gamage Dharmadasa (1990) berpendapat kesesakan banduan di penjara adalah masalah utama dalam Pentadbiran Keadilan Jenayah bagi kebanyakan negara samada membangun atau negara maju. Bagi setengah negara Asia, Amerika Selatan dan Afrika, kesesakan penjara adalah pada peringkat kritikal untuk mematuhi kehendak United Nation Standard Minimum Rules;

All accomodation provided for the use of prisoners and in particular all sleeping accomodation shall meet all requirements of health, due regard be paid to climatic conditions and particularly to cubic content of air , minimum floor space, lighting, heating and ventilation (Rules 10).

Bagi kebanyakan negara membangun, sukar untuk memastikan semua ini dapat disediakan kepada setiap banduan.

Valery Abramkin (1998) menyatakan dengan nisbah 700 orang banduan bagi setiap 100,000 orang penduduk, Russia muncul sebagai negara yang tertinggi kadar nisbah antara banduan dan penduduk. Masalah utama dalam keadaan kemelesetan dan kedudukan ekonomi yang kronik, di samping

kedudukan tabung kewangan yang terhad ialah untuk menyelenggarakan kumpulan tentera, 1.5 juta banduan dan kakitangan penjara. Dalam keadaan sebenar bukan sahaja Russia yang berkehendakan supaya piawai terhadap banduan di patuhi, tetapi gagal untuk menyediakan keperluan mereka untuk menjalani kehidupan di dalam penjara. Jalan terbaik untuk menyelesaikan masalah ini ialah mengurangkan secara sistematik populasi penjara, tanpa mengabaikan keperluan keselamatan awam. Pada keseluruhan hanya terdapat sedikit pembaharuan, dan negeri-negeri bukan sahaja gagal untuk melaksanakan apa-apa program untuk kurangkan populasi penjara, tetapi juga gagal untuk mengubah polisi ke arah pengurangan bilangan penghuni penjara yang ada. Beliau percaya antara faktor yang menyebabkan kedudukan ini ialah pemusatan pentadbiran yang berlaku di mana pentadbiran penjara di terajui pada peringkat pusat. Beliau membandingkan dengan situasi di penjara Texas, Amerika Syarikat di mana bilangan banduan 10 kali ganda. Beliau juga menyokong tindakan supaya pentadbiran institusi penjara tidak di pusatkan, hanya sekadar memberi garis panduan yang perlu dan khidmat nasihat dalam perancangan untuk mengujudkan program ke arah pengurangan populasi penjara.

Pricha Songsamphant (1990) berpendapat kesesakan banduan di penjara Thailand telah mengakibatkan kesan yang tidak baik kepada sistem pemulihan dan diri banduan. Seluruh institusi pemulihan yang mampu untuk menampung 40,000 tahanan telah menempatkan sejumlah 64,996 orang. Saiz bilik 4 X 6 meter yang sesuai untuk kapasiti empat orang telah diisi dengan 12 tahanan. Begitu juga nisbah yang sepatutnya di antara pegawai penjara dengan banduan sepertimana di putuskan oleh Ministry of Interior

ialah 1:5 telah meningkat kepada 1:11. Lebih populasi penjara mengakibatkan pelbagai masalah seperti peningkatan perbelanjaan untuk kerja pemulihan, masalah disiplin banduan sukar dikawal, mengujudkan sistem pemulihan yang tidak efektif, pendidikan, latihan vokasional, meningkatnya kes melarikan diri, kurang penumpuan soal kebajikan serta persekitaran yang kurang memuaskan. Beliau menambah bahawa kadar jenayah di Thailand telah meningkat setiap tahun, banduan menunggu perbicaraan tidak di jamin adalah di antara faktor yang menyebabkan pertambahan populasi penjara yang mendadak.

Menteri keadilan Turki, Hikmet Sami Turk (2000) turut mengakui tentang kesan negatif akibat dari pertambahan populasi penjara. Beliau merancang untuk menamatkan kesesakan di dalam penjara, kerana akibat kesesakan boleh menyebabkan mogok lapar, rusuhan dan aktiviti subversif. Kini terdapat kira-kira 70,000 banduan di penjara Turki di mana 10,000 dari mereka adalah pegganas.

Faktor Gender

Menurut Frank Schmalleger (1995) rekod wanita sebagai mangsa jenayah adalah kurang berbanding lelaki. Walaubagaimana pun apabila wanita menjadi mangsa jenayah, peratusan mereka untuk mendapatkan kecederaan adalah tinggi berbanding lelaki.

Menurut satu laporan dalam 'policy.com' (2000) menyatakan isu wanita sebagai banduan menjadi makin penting dari tahun ke setahun. Ini

adalah kerana bilangan wanita yang di penjarakan di Amerika Syarikat adalah bertambah lebih cepat dari pertambahan banduan lelaki. Pada tahun 1997, kira-kira 6.4% dari keseluruhan banduan di penjara Negeri dan Persekutuan Amerika Syarikat adalah terdiri dari kaum wanita. Pertambahan banduan wanita di penjara mencapai 179% dari 40,500 orang pada tahun 1985 kepada 113,100 orang pada tahun 1995 berbanding 108% pertambahan banduan lelaki iaitu 691,800 orang kepada 1,437,600 orang bagi tempoh masa yang sama. Banyak pemerhati berpendapat fenomena ini berlaku di sebabkan penguatkuasaan hukuman minimum mandatori (mandatory minimum sentences) terhadap jenayah berkaitan dadah. James A. Inciardi (1996) menyatakan peningkatan banduan wanita adalah dikaitkan dengan usaha membasmi dadah dan pelaksanaan hukuman mandatori berkaitannya. Hanya satu perlima sahaja dikaitkan dengan jenayah keganasan.

Teori Perlakuan Jenayah

Beberapa teori telah dikemukakan untuk mengaitkan perlakuan manusia dengan jenayah. Robert M. Bohm dan Keith N. Haley (1997), menyatakan teori perlakuan jenayah penting untuk dipelajari kerana manusia (penggubal dasar), akan menggunakannya untuk menentukan polisi atau tindakan yang perlu diambil untuk mengatasi masalah yang wujud.

Teori Positif Biologikal

Menurut teori perlakuan jenayah positif biologikal yang di pelopori oleh Lombroso dan Sheldon, menyatakan terdapat pengaruh genetik yang menyebabkan seseorang terlibat dalam jenayah. Maslow yang mempelopori teori positif humanistik beranggapan perlakuan jenayah yang di lakukan oleh individu adalah untuk memenuhi kehendak atau keperluan asas diri individu itu sendiri.

Teori Kritikal

Teori kritikal (labeling) yang di pelopori oleh Edwin Lemert menerangkan tentang kewujudan proses yang membawa kepada perlakuan jenayah. Walaupun tidak di kaitkan secara langsung pada kejadian jenayah, Lemert beranggapan, apabila individu tidak dapat menerima gelaran negatif yang diberi kepada diri individu itu maka ia akan mendorong kepada perlakuan jenayah. Ini adalah kerana apabila gelaran negatif (seperti bekas banduan) yang di miliki oleh individu maka, masyarakat akan memandang serong kepadanya dan sukar untuk mendapatkan pekerjaan yang baik.

Teori Konflik

Teori konflik yang di pelopori oleh George B. Vold menyatakan masyarakat menghadapi konflik akibat dari persaingan antara kumpulan seperti golongan kaya dan miskin, dewasa dan

kanak-kanak, lelaki dan wanita, majoriti dan minoriti serta pengurusan dan pekerja bawahan. Kejadian jenayah berlaku akibat dari konflik yang terhasil dari kumpulan tersebut.

Teori Radikal

Teori radikal yang menggunakan idea Karl Marx, di pelopori oleh Richard Quinney, William J. Chambliss dan Anthony M. Platt menyatakan jenayah berlaku di sebabkan wujudnya kapitalism dalam sistem ekonomi di mana individu akan bersaing untuk mendapat hak yang lebih dari orang lain. Ini bermakna kedudukan taraf pendapatan yang tidak sama akan menyebabkan kejadian jenayah.

Teori Feminin

Teori feminin mengutarakan pandangan dari aspek perlakuan jenayah dari golongan wanita. Ini adalah kerana kebanyakan kajian terdahulu lebih merujuk kepada kejadian jenayah yang dilakukan oleh lelaki. Terdapat tiga persoalan yang diberi perhatian dalam teori ini iaitu wanita sebagai mangsa, perbezaan gender dalam jenayah yang berlaku dan keadilan semasa pemulihan pesalah lelaki dan wanita. Berdasarkan perbezaan gender dalam perlakuan jenayah dua persoalan sering di kaitkan iaitu;

- Adakah jenayah yang dilakukan oleh lelaki dilakukan juga oleh wanita?
- Mengapa wanita kurang terlibat dalam jenayah berbanding lelaki?

Rumusan Ulasan Karya Terpilih

Berdasarkan kajian yang diperolehi mengenai sistem kepenjaraan, di dapati masalah utama yang di hadapi oleh banyak negara ialah kesesakan banduan. Kesesakan yang berlaku telah mengakibatkan piawaian layanan pesalah sepertimana yang digariskan oleh UNSMR gagal untuk dicapai sepenuhnya. Walaubagaimana pun setiap negara yang menghadapi masalah telah cuba sedaya upaya untuk meminimakan pelanggaran piawaian tersebut supaya prinsip kemanusiaan masih dapat diterapkan dalam program pemulihan.

Kesalahan berkaitan penyalahgunaan dadah di akui merupakan faktor utama yang menyebabkan berlakunya kemasukan banduan ke penjara. Kesalahan jenayah lain yang disabitkan juga berkemungkinan akibat dari pengaruh dadah. Terdapat juga pandangan lain yang menyatakan keadaan ini berubah mengikut masa dan tempat. Perkara ini ada logiknya di mana sekiranya penjara Alor Setar di jadikan contoh selain pesalah berkaitan dadah, penyumbang utama kesesakan juga datangnya dari pesalah-pesalah warganegara asing yang ditahan bawah Akta Imigresen.

Sejarah telah membuktikan bahawa kesesakan banduan di penjara boleh mengakibatkan insiden yang tidak di ingini sehingga melibatkan kehilangan

nyawa anggota penjara dan banduan sendiri. Faktor kesesakan telah mengakibatkan hilang salah satu perkara asas yang diperlukan oleh manusia (basic need) iaitu tempat tinggal yang selesa berdasarkan teori hirarki Maslow iaitu berkaitan kepuasan terhadap keperluan manusia.

Alternatif terhadap hukuman penjara adalah perlu dan ramai pengkaji yang telah memberi pandangan berhubung perkara tersebut. Alternatif hukuman boleh membantu mengurangkan masalah kesesakan banduan di penjara. Walau dalam keadaan apa sekali pun pengkaji masih bersetuju bahawa hukuman alternatif bukan penjara hanya wajar kepada kes-kes yang ringan seperti sivil, manakala pesalah yang melakukan jenayah berat hukuman penjara masih di perlukan. Ini adalah untuk memberi suasana yang lebih selamat kepada masyarakat.

BAB 3

METODOLOGI

Lokasi

Kajian ini dijalankan di penjara Alor Setar, Kedah. Unit rekod institusi tersebut menjadi pengkalan data bagi maklumat yang di perlukan. Penjara ini menempatkan semua kategori banduan lelaki dan wanita di mana kebanyakannya melibatkan kes-kes dari negeri Kedah dan Perlis. Penjara ini dikelaskan sebagai institusi yang mempunyai tahap keselamatan yang tinggi. James A. Inciardi (1996), mendefiniskan penjara sedemikian sebagai; "They are walled fortresses of concrete and steel and house the most serious, aggressive and most incorrigible of offenders".

Tujuan Kajian

Kajian ini merupakan peramalan kemasukan tahunan banduan sabitan ke penjara Alor Setar sehingga tahun 2005. Kajian ini juga akan melihat kedudukan faktor demografi banduan yang ada dalam tempoh kajian. Penggunaan hasil peramalan dan kajian demografi boleh membantu merangka perancangan organisasi.

Gambaran awal yang di perolehi dari pengkaji-pengkaji luar negara telah memberi petunjuk awal dan dianggap sebagai 'benhmarking' bagi dapatan kajian ini. Contohnya aliran kemasukan yang meningkat mengikut masa. Aliran tersebut mungkin boleh digunapakai di penjara Alor Setar.

Jenis Penyiasatan

Kajian yang dijalankan ini akan melihat perhubungan antara tahun dan bilangan banduan yang masuk ke penjara pada tempoh kajian. Analisa diskriptif akan di gunakan bagi kajian demografi banduan.

Campurtangan Penyelidik Dan Suasana Kajian

Sebagai satu analisa saintifik yang berpandukan data sebenar dari pengkalan data, campurtangan penyelidik adalah pada tahap yang paling minima. Keadaan ini akan membantu menjadikan angka yang dihasilkan tidak mempunyai pengaruh atau bias dari tindakan penyelidik.

Batasan dari kajian ini ialah data-data yang diambil dari pengkalan data, penjara Alor Setar adalah di anggap maklumat sebenar kemasukan bagi tahun yang lepas. Faktor demografi yang digunakan sebagai input bagi analisa diskriptif adalah terdiri dari faktor gender, umur, tingkat pendapatan, bilangan kali masuk, taraf pendidikan dan tempoh hukuman. Tambahan kepada analisa diskriptif ialah banduan sabitan di bawah Akta Dadah Merbahaya.

Unit Analisis

Analisis bagi kajian ini tertumpu kepada kemasukan secara jangkaan banduan ke penjara Alor Setar untuk tempoh tahun kajian iaitu 2000 hingga 2005. Unit analisis bagi kajian ini adalah organisasi iaitu penjara itu sendiri.


Faktor Masa Dan Data

Maklumat atau data kemasukan banduan di perolehi secara longitudinal. Data sekunder yang digunakan dalam kajian ini merupakan siri masa secara tahunan. Data lampau di perolehi mulai tahun 1990 hingga tahun 1999 (10 tahun).

Kerangka Teori

Berdasarkan faktor demografi yang di kenalpasti sebagai pembolehubah bebas, dan pembolehubah bersandar iaitu bilangan banduan bagi sesuatu tahun, satu kerangka teori dapat dibentuk seperti Rajah 1.

Rajah 1: Kerangka Teori



Analisa Data

Data-data yang di perolehi dari pengkalan data untuk kajian ini akan dianalisa dengan menggunakan komputer. Perisian (Microsoft) Excel akan digunakan bagi menjalankan analisa diskriptif, manakala perisian SPSS 7.5 akan digunakan untuk analisa regresi bagi meramal kemasukan banduan ke penjara Alor Setar sehingga tahun 2005.

Model

Model peramalan yang dipilih ialah analisa regresi. Keseluruhannya terdapat enam model awal yang di ketengahkan dalam kajian ini. Secara matematik model regresi yang bakal digunakan adalah seperti berikut;

Model 1: Kemasukan Keseluruhan Banduan Lelaki

$$y_t = a_{o1} + b_1X \quad (3.1)$$

Model 2: Kemasukan Banduan Lelaki Warganegara Malaysia

$$y_t = a_{o2} + b_2X \quad (3.2)$$

Model 3: Kemasukan Banduan Lelaki Warganegara Asing

$$y_t = a_{o3} + b_3X \quad (3.3)$$

Model 4: Kemasukan Keseluruhan Banduan Wanita

$$y_t = a_{o4} + b_4X \quad (3.4)$$

Model 5: Kemasukan Banduan Wanita Warganegara Malaysia

$$y_t = a_{o5} + b_5X \quad (3.5)$$

Model 6: Kemasukan Banduan Wanita Warganegara Asing

$$y_t = a_{o6} + b_6X \quad (3.6)$$

Di mana; a_{oi} dan b_i = Parameter model

y_t = Bilangan banduan (di mana t = tahun)

X = Tahun Ramalan

Anggaran pekali parameter dalam kajian ini ditentukan menerusi penggunaan kaedah berstatistik iaitu dengan menggunakan analisa regresi linear dalam perisian SPSS 7.5. Secara umum penentuan pekali parameter tersebut adalah mematuhi formula berikut;

$$b = \frac{\sum xy - n\bar{x}\bar{y}}{\sum x^2 - n\bar{x}^2}$$

$$a = \bar{y} - b\bar{x}$$

di mana; n = bilangan tahun (masa)

$$\bar{x} = \frac{\sum x}{n}$$

$$\bar{y} = \frac{\sum y}{n}$$

Selain dari model regresi linear, kajian ini juga memasukkan model purata pergerakan tiga (three moving average) sebagai perbandingan untuk melihat sejauhmana kebagusan model regresi dalam meramalkan kemasukan banduan lelaki dan wanita ke penjara Alor Setar.

Pekali Penentuan (R^2)

Selain dari itu pekali parameter juga dinilai berdasarkan penghasilan maklumat pekali penentuan (R^2). Hubungan antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas akan dinilai berdasarkan kekuatan korelasi antara pembolehubah bebas dalam menerangkan pembolehubah bersandar.

Pemilihan Model

Kajian ini akan memilih model yang sesuai untuk meramal kemasukan banduan sabitan ke penjara Alor Setar. Pemilihan model adalah mengikut kategori berasaskan gender. Walaupun terdapat enam model asas yang disenaraikan, tidak bererti semua model yang disenaraikan akan dipilih. Selain pekali penentuan (R^2), pemilihan juga dilihat dari aspek ralat peramalan yang terkecil.

Ralat Peramalan

Di dalam kajian ini ramalan kebelakang (backcasting) perlu di buat untuk menentukan kesahihan model peramalan yang telah dibentuk. Ralat peramalan ini di tentukan seperti berikut;

Ralat Peramalan = Bilangan Sebenar – Bilangan Yang Diramalkan

Pada amnya ralat diukur dengan mengambilkira perbezaan bilangan ramalan dengan bilangan sebenar mengikut masa. Bagi mendapatkan nilai keseluruhan ralat ramalan, dua kaedah yang digunakan iaitu mendapatkan nilai min hasil tambah sisihan mutlak (SMM) dan nilai min hasil tambah ralat kuasadua (RKM). Rumusan matematik bagi penentuan ralat ini boleh ditulis seperti berikut;

$$\begin{aligned} \text{SMM} &= \frac{\sum_{t=1}^T |(\mathbf{E}_t - \hat{\mathbf{E}}_t)|}{T} \\ &= \frac{\sum_{t=1}^T |(\mathbf{e}_t)|}{T} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{RKM} &= \frac{\sum_{t=1}^T (\mathbf{E}_t - \hat{\mathbf{E}}_t)^2}{T} \\ &= \frac{\sum_{t=1}^T (\mathbf{e}_t)^2}{T} \end{aligned}$$

Secara amnya nilai SMM dan RKM yang kecil menunjukkan model yang digunakan adalah lebih baik dan bersesuaian dengan data.

Untuk ralat ramalan SMM dan RKM, pemilihan model akan berasaskan SMM dan RKM yang terkecil. Model peramalan yang mempunyai ciri-ciri yang berkenaan akan menghasilkan nilai ramalan yang tidak mempunyai perbezaan yang besar dengan nilai sebenar pada masa hadapan.

Analisa Diskriptif

Analisa diskriptif akan dijalankan untuk melihat kedudukan gender berasaskan faktor-faktor yang terdiri dari umur, tingkat pendapatan, bilangan kali masuk ke penjara, taraf pendidikan, tempoh hukuman dan sabitan kes dadah. Kajian ini akan dapat membantu mengenalpasti kumpulan sasaran dengan lebih tepat dan pembentukan polisi akan menjadi lebih berkesan.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

Hasil Kajian

Fasa pertama kajian menganalisa terhadap enam kategori banduan seperti dalam model yang dikemukakan dalam Bab 3. Fasa kedua pula menilai model dan seterusnya memilih model yang di anggap terbaik dan sesuai untuk meramal kemasukan banduan sabitan ke penjara Alor Setar. Analisa data dengan perisian SPSS 7.5 telah membantu mendapatkan nilai a_{oi} dan b_i . Ringkasan keputusan yang diperolehi dari analisa SPSS 7.5 adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1: Nilai a, b dan R^2 Setiap Model

Model	Kategori Kajian	a	b	R^2
1	Kemasukan Keseluruhan Banduan Lelaki	861.867	206.461	0.543
2	Kemasukan Banduan Lelaki Warga Malaysia	764.733	43.776	0.435
3	Kemasukan Banduan Lelaki Warga Asing	97.133	162.685	0.459
4	Kemasukan Keseluruhan Banduan Wanita	168.667	-0.903	0.003
5	Kemasukan Banduan Wanita Warga Malaysia	74.000	-2.000	0.062
6	Kemasukan Banduan Wanita Warga Asing	94.667	1.097	0.009

Keputusan yang diperolehi seperti di atas telah dikemaskinikan dalam bentuk model yang sesuai seperti berikut;

Model 1: Kemasukan Keseluruhan Banduan Lelaki

$$y = 861.867 - 206.461X \quad (4.1)$$

Pekali penentuan (R^2) bagi model ini ialah 0.543. Ini bermakna kira-kira 54.3% perubahan y dapat diterangkan oleh X.

Model 2: Kemasukan Banduan Lelaki Warganegara Malaysia

$$y = 764.733 + 43.776X \quad (4.2)$$

Model ini mempunyai pekali penentuan 0.435. Oleh itu dapat diperkatakan bahawa 43.5% perubahan yang berlaku pada y dapat diterangkan oleh X.

Model 3: Kemasukan Banduan Lelaki Warganegara Asing

$$y = 97.133 + 162.685X \quad (4.3)$$

Pekali penentuan untuk model ini ialah 0.459. Ini bermakna dapat diperkatakan bahawa 45.9% perubahan yang berlaku pada y dapat diterangkan oleh X.

Model 4: Kemasukan Keseluruhan Banduan Wanita

$$y = 168.667 - 0.903X \quad (4.4)$$

Pekali penentuan yang dihasilkan adalah kecil iaitu 0.003. Ini bermakna hanya 0.3% perubahan yang berlaku pada y dapat diterangkan oleh X.

Model 5: Kemasukan Banduan Wanita Warganegara Malaysia

$$y = 74.000 - 2.000X \quad (4.5)$$

Pekali penentuan yang dihasilkan ialah 0.062. Hanya 6% perubahan yang berlaku terhadap y dapat diterangkan oleh X.

Model 6: Kemasukan Banduan Wanita Warganegara Asing

$$y = 94.667 + 1.097X \quad (4.6)$$

Model ini mempunyai pekali penentuan 0.009. Ini bermakna hanya 0.9% perubahan yang berlaku dalam y dapat diterangkan oleh X.

Nilai Peramalan Menerusi Model Regresi


Model 1: Kemasukan Keseluruhan Banduan Lelaki

Keputusan yang diperolehi ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Kemasukan Sebenar Dan Diramalkan
Keseluruhan Banduan Lelaki

Tahun	Tempoh (X)	Bil. Sebenar	Bil. Diramal
1990	1	1,035	1,068
1991	2	1,197	1,275
1992	3	1,238	1,481
1993	4	1,485	1,688
1994	5	1,312	1,894
1995	6	2,910	2,101
1996	7	3,342	2,307
1997	8	2,842	2,514
1998	9	2,473	2,720
1999	10	2,140	2,926
2000	11		3,133
2001	12		3,339
2002	13		3,546
2003	14		3,752
2004	15		3,959
2005	16		4,165

Analisa yang dijalankan dapat meramal kemasukan keseluruhan banduan lelaki ke penjara Alor Setar bagi tempoh 2000 hingga 2005. Pada tahun 2000 bilangan kemasukan banduan lelaki diramalkan seramai 3,133 orang. Angka tersebut di jangka bertambah kepada 4,165 orang pada tahun 2005. Penjelasan pertambahan mengikut arah aliran meningkat ini dapat dilihat dari graf pada Rajah 2.




Model 2: Kemasukan Banduan Lelaki Warganegara Malaysia

Keputusan yang diperolehi ditunjukkan dalam Jadual 3.

**Jadual 3: Kemasukan Sebenar Dan Diramalkan
Banduan Lelaki Warganegara Malaysia**

Tahun	Tempoh (X)	Bil. Sebenar	Bil. Diramal
1990	1	718	809
1991	2	774	852
1992	3	1,006	896
1993	4	1,142	940
1994	5	822	984
1995	6	876	1,027
1996	7	1,271	1,071
1997	8	1,234	1,115
1998	9	1,193	1,159
1999	10	1,019	1,202
2000	11		1,246
2001	12		1,290
2002	13		1,334
2003	14		1,378
2004	15		1,421
2005	16		1,465

Keputusan analisa data kemasukan banduan lelaki warganegara Malaysia memperlihatkan arah aliran yang meningkat mengikut tahun. Pada tahun 2000 bilangan banduan kategori tersebut di jangka mencapai angka 1,246 orang dan pada tahun 2005 mencecah kepada 1,465 orang. Secara graf ia ditunjukkan dalam Rajah 3.




Model 3: Kemasukan Banduan Lelaki Warganegara Asing

Keputusan analisa terhadap data ditunjukkan dalam Jadual 4.

**Jadual 4: Kemasukan Sebenar Dan Diramalkan
Banduan Lelaki Warganegara Asing**

Tahun	Tempoh (X)	Bil. Sebenar	Bil. Diramal
1990	1	317	260
1991	2	423	423
1992	3	232	585
1993	4	343	748
1994	5	490	911
1995	6	2,034	1,073
1996	7	2,071	1,236
1997	8	1,608	1,399
1998	9	1,280	1,561
1999	10	1,121	1,724
2000	11		1,887
2001	12		2,049
2002	13		2,212
2003	14		2,375
2004	15		2,537
2005	16		2,700

Data kemasukkan banduan warganegara asing ke penjara Alor Setar memperlihatkan keadaan yang tidak menentu mengikut masa. Tahun 1990 hingga 1994 kemasukan adalah rendah iaitu di bawah angka seribu. Sebaliknya berlaku pada tahun 1995 dan 1996 di mana mencatatkan angka melebihi 2,000 orang. Walaubagaimana pun keadaan tersebut berubah dan turun di bawah paras 2,000 orang pada tahun berikutnya. Bagi menjelaskan lagi aliran yang berlaku di gambarkan menerusi Rajah 4 iaitu kemasukan sebenar dan angka peramalan yang di jangkakan sehingga tahun 2005.




Model 4: Kemasukan Keseluruhan Banduan Wanita

Keputusan analisa dengan perisian Excel ditunjukkan dalam Jadual 5

**Jadual 5: Kemasukan Sebenar Dan Diramalkan
Keseluruhan Banduan Wanita**

Tahun	Tempoh (X)	Bil. Sebenar	Bil. Diramal
1990	1	174	168
1991	2	241	167
1992	3	132	166
1993	4	81	165
1994	5	246	164
1995	6	104	163
1996	7	135	162
1997	8	147	161
1998	9	192	161
1999	10	185	160
2000	11		159
2001	12		158
2002	13		157
2003	14		156
2004	15		155
2005	16		154

Kemasukan keseluruhan banduan wanita menunjukkan arah aliran yang menurun. Ini bermakna pada tahun 2005 Penjara Alor Setar di jangka akan mengalami kemasukan banduan wanita iaitu seramai 154 orang berbanding 159 pada tahun 2000. Secara graf dapat dilihat pada Rajah 5.




Model 5: Kemasukan Banduan Wanita Warganegara Malaysia

Keputusan analisa yang ditunjukkan dalam Jadual 6.

**Jadual 6: Kemasukan Sebenar Dan Diramalkan
Banduan Wanita Warganegara Malaysia**

Tahun	Tempoh (X)	Bil. Sebenar	Bil. Diramal
1990	1	71	72
1991	2	85	70
1992	3	52	68
1993	4	48	66
1994	5	117	64
1995	6	44	62
1996	7	38	60
1997	8	41	58
1998	9	72	56
1999	10	62	54
2000	11		52
2001	12		50
2002	13		48
2003	14		46
2004	15		44
2005	16		42

Kemasukan sebenar banduan wanita ke penjara Alor Setar dalam tempoh kajian memperlihatkan angka yang rendah. Bilangan yang ada bagi tempoh tersebut adalah di bawah had tertinggi penempatan selesa yang di tetapkan iaitu 150 orang. Keadaan ini di jangka berterusan sehingga tahun 2005 di mana pada tahun 2000 di jangka seramai 52 orang dan berterusan dengan aliran yang menurun kepada 42 orang pada tahun 2005. Secara graf ianya dapat ditunjukkan seperti Rajah 6 di bawah.




Model 6: Kemasukan Banduan Wanita Warganegara Asing

Keputusan yang diperolehi ditunjukkan dalam Jadual 7.

**Jadual 7: Kemasukan Sebenar Dan Diramalkan
Banduan Wanita Warganegara Asing**

Tahun	Tempoh (X)	Bil. Sebenar	Bil. Diramal
1990	1	103	96
1991	2	156	97
1992	3	80	98
1993	4	33	99
1994	5	129	100
1995	6	60	101
1996	7	97	102
1997	8	106	103
1998	9	120	105
1999	10	123	106
2000	11		107
2001	12		108
2002	13		109
2003	14		110
2004	15		111
2005	16		112

Kemasukan sebenar banduan wanita warganegara asing dalam tahun kajian ke penjara Alor Setar mirip pada pergerakan kitaran iaitu pergerakan yang meningkat dan turun. Analisa regresi yang di perolehi menunjukkan aliran yang meningkat mengikut masa. Ini bermakna kemasukan banduan wanita warganegara asing pada masa hadapan adalah di jangka bertambah. Pada tahun 2000 di ramalkan seramai 107 orang dan meningkat 112 orang pada tahun 2005. Keadaan ini adalah berbeza bagi ramalan kemasukan banduan wanita warganegara Malaysia. Secara graf ditunjukkan dalam Rajah 7.



Model Purata Pergerakan Tiga (Three moving average)

Jadual 8: Kemasukan Sebenar Dan Diramalkan ~
Model Purata Pergerakan Tiga

Tahun	1		2		3		4		5		6		
	S	R	S	R	S	R	S	R	S	R	S	R	
1990	1,035	-	174	-	718	-	317	-	71		103		
1991	1,197	-	241	-	774	-	423	-	85		156	-	
1992	1,238	-	132	-	1,006	-	232	-	52		80		
1993	1,485	1,157	81	182	1,142	833	343	324	48	69	33	113	
1994	1,312	1,307	246	151	822	974	490	333	117	62	129	90	
1995	2,910	1,345	104	153	876	990	2,034	355	44	72	60	81	
1996	3,342	1,902	135	144	1,271	947	2,071	956	38	70	97	74	
1997	2,842	2,521	147	162	1,234	990	1,608	1,532	41	66	106	95	
1998	2,473	3,031	192	129	1,193	1,127	1,280	1,904	72	41	120	88	
1999	2,140	2,886	185	158	1,019	1,233	1,121	1,653	62	50	123	108	
2000		- 2,485		- 175		- 1,149			1,336		58		116

Petunjuk

S= Kemasukan Sebenar
R= Ramalan Kemasukan
1= Keseluruhan Banduan Lelaki
2= Keseluruhan Banduan Wanita
3= Banduan Lelaki Warganegara Malaysia
4= Banduan Lelaki Warganegara Asing
5= Banduan Wanita Warganegara Malaysia
6= Banduan Wanita Warganegara Asing

Rumusan ramalan kemasukan banduan ke penjara Alor Setar pada tahun 2000 berdasarkan model purata pergerakan tiga adalah seperti berikut;

Jadual 9: Ramalan Kemasukan Banduan Pada Tahun 2000
Mengikut Kategori

Kategori	Bilangan
Keseluruhan banduan lelaki	2,485 orang
Keseluruhan banduan wanita	175 orang
Banduan lelaki warganegara Malaysia	1,149 orang
Banduan lelaki warganegara asing	1,336 orang
Banduan wanita warganegara Malaysia	58 orang
Banduan wanita warganegara asing	116 orang

Ralat Peramalan

Kajian yang dijalankan ini menggunakan model regresi sebagai model utama. Sebagai analisa perbandingan dalam proses peramalan, dimasukkan model purata pergerakan tiga (three moving average). Sebagai langkah untuk memberi perbandingan yang adil bagi memastikan model yang terbaik, keputusan peramalan mulai tahun 1993 hingga tahun 1999 (T=7 tahun) sahaja yang digunakan. Ini adalah untuk mengatasi masalah tinggalan tiga tahun (1990, 1991 dan 1992) yang terpaksa diberi pertimbangan mengikut model purata pergerakan tiga. Dua kaedah diguna untuk mendapatkan ralat peramalan bagi kajian ini, iaitu nilai min hasil tambah sisihan mutlak (SSM) dan nilai min hasil tambah ralat kuasa dua (RKM).

Keseluruhan Banduan Lelaki

a. Model regresi

Jadual 10a : Ralat Peramalan Kemasukan Keseluruhan Banduan Lelaki ~ Model Regresi

Tahun (t)	Kemasukan		Ralat (e)	Sisihan Mutlak	Ralat Kuasadua
	Sebenar (y)	Ramalan (\hat{y})	$y - \hat{y}$	$ y - \hat{y} $	(e^2)
3	1,485	1,688	-203	203	41,209
4	1,312	1,894	-582	582	338,724
5	2,910	2,101	809	809	654,481
6	3,342	2,307	1,035	1,035	1,071,225
7	2,842	2,514	328	328	107,584
8	2,473	2,720	-247	247	61,009
9	2,140	2,926	-786	786	617,796
				3,990	2,892,028

Pengiraan nilai SSM dan RKM;

$$\text{SSM} = 3,990 \div 7 = 570$$

$$\text{RKM} = 2,892,028 \div 7 = 41,315$$

b. Model purata pergerakan tiga (MA3)

Jadual 10b : Ralat Peramalan Kemasukan Keseluruhan Banduan Lelaki ~ Model Purata Pergerakan Tiga

Tahun (t)	Kemasukan		Ralat (e)	Sisihan Mutlak	Ralat Kuasadua
	Sebenar (y)	Ramalan (\hat{y})	$y - \hat{y}$	$ y - \hat{y} $	(e^2)
3	1,485	1,157	328	328	107,584
4	1,312	1,307	5	5	25
5	2,910	1,345	1,565	1,565	2,449,225
6	3,342	1,902	1,440	1,440	2,073,600
7	2,842	2,521	321	321	103,041
8	2,473	3,131	-558	558	311,364
9	2,140	2,886	-746	746	556,516
				4,963	5,601,355

Pengiraan nilai SSM dan RKM;

$$\text{SSM} = 4,963 \div 7 = 709$$

$$\text{RKM} = 5,601,355 \div 7 = 800,194$$

Keseluruhan Banduan Wanita

a. Model regresi

Jadual 11a : Ralat Peramalan Kemasukan Keseluruhan Banduan Wanita ~ Model Regresi

Tahun (t)	Kemasukan		Ralat (e) $y - \hat{y}$	Sisihan Mutlak $ y - \hat{y} $	Ralat Kuasadua (e^2)
	Sebenar (y)	Ramalan (\hat{y})			
3	81	165	-84	84	7,056
4	246	164	82	82	6,724
5	104	163	-59	59	3,481
6	135	162	-27	27	729
7	147	161	-14	14	196
8	192	161	31	31	961
9	185	160	25	25	625
				322	19,772

Pengiraan nilai SSM dan RKM;

$$\text{SSM} = 322 \div 7 = 46$$

$$\text{RKM} = 19,772 \div 7 = 2,825$$

b. Model purata pergerakan tiga (MA3)

Jadual 11b : Ralat Peramalan Kemasukan Keseluruhan Banduan Wanita ~ Model Purata Pergerakan Tiga

Tahun (t)	Kemasukan		Ralat (e) $y - \hat{y}$	Sisihan Mutlak $ y - \hat{y} $	Ralat Kuasadua (e^2)
	Sebenar (y)	Ramalan (\hat{y})			
3	81	182	-101	101	10,201
4	246	151	95	95	9,025
5	104	153	-49	49	2,401
6	135	144	-9	9	81
7	147	162	-15	15	225
8	192	129	63	63	3,969
9	185	158	27	27	729
				359	26,631

Pengiraan nilai SSM dan RKM;

$$\text{SSM} = 359 \div 7 = 51$$

$$\text{RKM} = 26,631 \div 7 = 3,804$$

Kemasukan Banduan Lelaki Warganegara Malaysia

a. Model regresi

Jadual 12a: Ralat Peramalan Kemasukan Banduan Lelaki Warganegara Malaysia ~ Model Regresi

Tahun (t)	Kemasukan		Ralat (e) $y - \hat{y}$	Sisihan Mutlak $ y - \hat{y} $	Ralat Kuasadua (e^2)
	Sebenar (y)	Ramalan (\hat{y})			
3	1,142	940	202	202	40,804
4	822	984	-162	162	26,244
5	876	1,027	-151	151	22,801
6	1,271	1,071	200	200	40,000
7	1,234	1,115	119	119	14,161
8	1,193	1,159	34	34	1,156
9	1,019	1,202	-183	183	33,489
				1,051	178,655

Pengiraan nilai SSM dan RKM;

$$\text{SSM} = 1,051 \div 7 = 150$$

$$\text{RKM} = 178,655 \div 7 = 25,522$$

b. Model purata pergerakan tiga (MA3)

Jadual12b: Ralat Peramalan Kemasukan Banduan Lelaki Warganegara Malaysia ~ Model Purata Pergerakan Tiga

Tahun (t)	Kemasukan		Ralat (e) y - \hat{y}	Sisihan Mutlak y - \hat{y}	Ralat Kuasadua (e ²)
	Sebenar (y)	Ramalan (\hat{y})			
3	1,142	833	309	309	95,481
4	822	974	-152	152	23,104
5	876	990	-114	114	12,996
6	1,271	947	324	324	104,976
7	1,234	990	244	244	59,536
8	1,193	1,127	66	66	4,356
9	1,019	1,233	-214	214	45,796
				1,423	346,245

Pengiraan nilai SSM dan RKM;

$$\text{SSM} = 1,423 \div 7 = 203$$

$$\text{RKM} = 346,245 \div 7 = 49,464$$

Kemasukan Banduan Lelaki Warganegara Asing

a. Model regresi

Jadual 13a: Ralat Peramalan Kemasukan Banduan Lelaki Warganegara Asing ~ Model Regresi

Tahun (t)	Kemasukan		Ralat (e) $y - \hat{y}$	Sisihan Mutlak $ y - \hat{y} $	Ralat Kuasadua (e^2)
	Sebenar (y)	Ramalan (\hat{y})			
3	343	748	-405	405	164,025
4	490	911	-421	421	177,241
5	2,034	1073	961	961	923,521
6	2,071	1,236	835	835	697,225
7	1,608	1,399	209	209	43,681
8	1,280	1,561	-281	281	78,961
9	1,121	1,724	-603	603	363,609
				3,715	2,448,263

Pengiraan nilai SSM dan RKM;

$$\text{SSM} = 3,715 \div 7 = 531$$

$$\text{RKM} = 2,448,263 \div 7 = 349,752$$

b. Model purata pergerakan tiga(MA3)

Jadual 13b: Ralat Peramalan Kemasukan Banduan Lelaki Warganegara Asing ~ Model Purata Pergerakan Tiga

Tahun (t)	Kemasukan		Ralat (e) y - \hat{y}	Sisihan Mutlak y - \hat{y}	Ralat Kuasadua (e ²)
	Sebenar (y)	Ramalan (\hat{y})			
3	343	324	19	19	361
4	490	333	157	157	24,649
5	2,034	355	1,679	1,679	2,819,041
6	2,071	956	1,115	1,115	1,243,225
7	1,608	1,532	76	76	5,776
8	1,280	1,904	-624	624	389,376
9	1,121	1,653	-532	532	283,024
				4,202	4,765,452

Pengiraan nilai SSM dan RKM;

$$\text{SSM} = 4,202 \div 7 = 600$$

$$\text{RKM} = 4,765,452 \div 7 = 680,779$$

Kemasukan Banduan Wanita Warganegara Malaysia

a. Model regresi

Jadual 14a: Ralat Peramalan Kemasukan Banduan Wanita Warganegara Malaysia ~ Model Regresi

Tahun (t)	Kemasukan		Ralat (e)	Sisihan Mutlak	Ralat Kuasadua
	Sebenar (y)	Ramalan (\hat{y})	$y - \hat{y}$	$ y - \hat{y} $	(e^2)
3	48	66	-18	18	324
4	117	64	53	53	2,809
5	44	62	-18	18	324
6	38	60	-22	22	484
7	41	58	-17	17	289
8	72	56	16	16	256
9	62	54	8	8	64
				152	4,550

Pengiraan nilai SSM dan RKM;

$$\text{SSM} = 152 \div 7 = 22$$

$$\text{RKM} = 4,550 \div 7 = 650$$

b. Model purata pergerakan tiga (MA3)

Jadual14b: Ralat Peramalan Kemasukan Banduan Wanita Warganegara Malaysia ~ Model Purata Pergerakan Tiga

Tahun (t)	Kemasukan		Ralat (e) y - \hat{y}	Sisihan Mutlak y - \hat{y}	Ralat Kuasadua (e ²)
	Sebenar (y)	Ramalan (\hat{y})			
3	48	69	-21	21	441
4	117	62	55	55	3,025
5	44	72	-28	28	784
6	38	70	-32	32	1,024
7	41	66	-25	25	625
8	72	41	31	31	961
9	62	50	12	12	144
				204	7,004

Pengiraan nilai SSM dan RKM;

$$\text{SSM} = 204 \div 7 = 29$$

$$\text{RKM} = 7,004 \div 7 = 1,001$$

Kemasukan Banduan Wanita Warganegara Asing

a. Model regresi

Jadual 15a: Ralat Peramalan Kemasukan Banduan Wanita Warganegara Asing ~ Model Regresi

Tahun (t)	Kemasukan		Ralat (e)	Sisihan Mutlak	Ralat Kuasadua
	Sebenar (y)	Ramalan (\hat{y})	$y - \hat{y}$	$ y - \hat{y} $	(e^2)
3	33	99	-66	66	4,356
4	129	100	29	29	841
5	60	101	-41	41	1,681
6	97	102	-5	5	25
7	106	103	3	3	9
8	120	105	15	15	225
9	123	106	17	17	289
				176	7,426

Pengiraan nilai SSM dan RKM;

$$\text{SSM} = 176 \div 7 = 25$$

$$\text{RKM} = 7,426 \div 7 = 1,061$$

b. Model purata pergerakan tiga (MA3)

Jadual 15b: Ralat Peramalan Kemasukan Banduan Wanita Warganegara Asing ~ Model Purata Pergerakan Tiga

Tahun (t)	Kemasukan		Ralat (e) $y - \hat{y}$	Sisihan Mutlak $ y - \hat{y} $	Ralat Kuasadua (e^2)
	Sebenar (y)	Ramalan (\hat{y})			
3	33	113	-80	80	6,400
4	129	90	39	39	1,521
5	60	81	-21	21	441
6	97	74	23	23	529
7	106	95	11	11	121
8	120	88	32	32	1,024
9	123	108	15	15	225
				221	10,261


Pengiraan nilai SSM dan RKM;

$$\text{SSM} = 221 \div 7 = 32$$

$$\text{RKM} = 10,261 \div 7 = 1,466$$


Dapatan Analisa Diskriptif

Analisa diskriptif dijalankan terhadap data demografi yang di perolehi. Gender diletakkan sebagai asas perbandingan seperti kedudukan umur banduan lelaki dan wanita. Jumlah keseluruhan banduan yang di hukum ialah seramai 21,611 orang bagi tempoh 1990 hingga 1999. Dari jumlah tersebut 19,974 (92.4%) merupakan banduan lelaki manakala selebihnya 1,637 (7.6%) banduan wanita. Kedudukan ini dapat dijelaskan secara gambarajah pie di Rajah 8.




Umur

Peringkat umur yang paling dominan dalam mempengaruhi bilangan banduan dalam tahun kajian di penjara Alor Setar adalah berusia 21 hingga 39 tahun seperti di Rajah 9. Banduan lelaki menunjukkan bilangan teramai berbanding wanita (Appendik 1). Secara nisbah, kemasukan banduan wanita dan lelaki ialah 1:25 pada tahun 1999. Pada tahun keenam kajian dan tiga tahun berikutnya kemasukan banduan di bawah umur 21 tahun adalah kedua terbesar selepas kumpulan utama (21 hingga 39).



Taraf Pendidikan


Terdapat 17,607 orang atau 81.5% banduan berpendidikan darjah enam dan kebawah. Walaubagaimana pun 8,835 orang daripadanya tidak pernah menerima sebarang pendidikan formal (Appendik 2). Taraf pendidikan tertinggi yang direkodkan dari kemasukan banduan ke penjara Alor Setar ialah tingkatan lima. Pecahan kumpulan banduan dan taraf pendidikan yang dimiliki dapat dilihat dari Rajah 10.



Tempoh Hukuman


Dalam tempoh kajian terdapat 60.1% banduan lelaki dan perempuan yang di hukum kurang dari enam bulan. Taburan yang ditunjukkan juga memperlihatkan bilangan banduan adalah berkurangan apabila semakin lama (berat) hukuman. Banduan hukuman mati bagi kedua kategori gender hanyalah seramai 26 orang atau 0.0012% dalam tempoh yang sama (Appendik 3).

Gambarajah histogram di Rajah 11 yang di kemukakan menjelaskan lagi pecahan banduan mengikut tempoh hukuman. Lebih dari 50% banduan menjalani hukuman kurang dari tempoh enam bulan.




Bilangan Kali Masuk

Seramai 62.4% atau 13,489 orang yang terdapat di penjara Alor Setar adalah mereka yang ditahan buat pertama kali dalam tempoh kajian (Appendik 4). Banduan wanita memberi petunjuk yang nyata bagi penahanan kali pertama sahaja dan mereka yang ditahan semula kali kedua dan lebih adalah kecil iaitu 7.2% iaitu 118 orang daripada 1,637 seperti ditunjukkan dalam Rajah 12.



Tingkat Pendapatan

Analisa pendapatan yang dibuat terhadap banduan ketika di luar penjara memperlihatkan seramai 16,523 (76.5%) adalah mereka berpendapatan RM 499.00 dan ke bawah (Appendik 5). Ini termasuk mereka yang di kelaskan tiada pendapatan kerana tidak mempunyai sebarang kerja yang dilakukan seperti digambarkan dalam Rajah 13.



BAB 5

PERBINCANGAN


Data

Data kemasukan banduan ke penjara Alor Setar di perolehi mulai tahun 1990 hingga 1999. Keadaan ini menyebabkan aliran petunjuk kemasukan banduan di masa lepas kurang menampilkan petunjuk yang jelas. Keputusan kajian dijangka akan menjadi lebih baik sekiranya data yang diguna melibatkan tempoh masa kebelakang yang lebih lama. Selain dari itu data amat di pengaruhi oleh kemasukan banduan warganegara asing yang ditahan akibat pelbagai kesalahan, terutama yang berkaitan dengan kesalahan di bawah Akta Imigresen. Ini jelas jika data yang ada, dianalisa secara lebih terperinci seperti Jadual 16.

Jadual 16: Kemasukan Tahunan Banduan Lelaki Dan Wanita Warganegara Malaysia Dan Asing

Tahun	Warga Malaysia		Warga Asing		Keseluruhan		Jumlah Penuh
	Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita	
1990	718	71	317	103	1,035	174	1,209
1991	774	85	423	156	1,197	241	1,438
1992	1,006	52	232	80	1,238	132	1,370
1993	1,142	48	343	33	1,485	81	1,566
1994	822	117	490	129	1,312	246	1,558
1995	876	44	2,034	60	2,910	104	3,014
1996	1,271	38	2,071	97	3,342	135	3,477
1997	1,234	41	1,608	106	2,842	147	2,989
1998	1,193	72	1,280	120	2,473	192	2,665
1999	1,019	62	1,121	123	2,140	185	2,325
Jumlah	10,055	630	9,919	1007	19,974	1,637	21,611

Maklumat di atas jelas menunjukkan kemasukan pada tahun 1995 dan 1996 warga asing lelaki ke dalam penjara adalah tinggi iaitu masing-masing 2,034 dan 2,071. Ini amat mempengaruhi dalam pembentukan aliran kemasukan sebenar banduan lelaki. Perkara ini juga dapat di buktikan dari analisa secara graf seperti Rajah 14. Ianya digambarkan menerusi aliran kemasukan banduan lelaki warganegara asing dan banduan lelaki secara keseluruhan di mana aliran graf adalah hampir selari. Walaubagaimana pun bagi kategori wanita tidak banyak perbezaan antara warganegara Malaysia atau asing.



Kesan Pekali Penentuan (R^2)

Pekali penentuan yang di perolehi daripada analisa data tidak kuat dalam menerangkan korelasi pembolehubah bebas terhadap pembolehubah bersandar. Ini amat jelas terutama bagi model untuk meramal kemasukan banduan wanita ke penjara Alor Setar. Perkara ini adalah di sebabkan kesan dari pengaruh data yang di perolehi. Selain dari tempoh masa kajian yang pendek, data yang diperolehi juga memperlihatkan bilangan kemasukan banduan yang turun dan naik pada perbezaan yang besar. Bilangan kemasukan sebenar di dapati berada jauh dari garisan linear iaitu bilangan yang diramalkan dan kesannya nilai pekali penentuan menjadi rendah.

Pembahagian gender

Pembahagian gender perlu dilakukan kerana undang-undang penjara yang sedia ada mengkehendaki banduan lelaki dan wanita di pisahkan tempat tahanan dan apa jua aktiviti yang di jalankan. Penjara Alor Setar juga tertakluk pada undang-undang tersebut dan mesti mengujudkan tempat penahanan yang berasingan untuk banduan lelaki dan wanita.

Pada masa sekarang had pengisian selesa banduan wanita ialah 150 orang dalam sesuatu masa. Melihat kepada aliran kemasukan semasa banduan wanita ke penjara Alor Setar, ianya tidak memperlihatkan masalah kesesakan yang berlaku dan begitu juga untuk tahun yang diramalkan sehingga 2005.

Penempatan banduan lelaki adalah di kelilingi oleh tembok batu. Had pengisian selesa yang dipersetujui ialah 790 orang dalam sesuatu masa. Penjara Alor Setar beroperasi pada bilangan banduan lelaki yang sentiasa melebihi angka tersebut dan ianya merupakan sebuah penjara yang menghadapi masalah kesesakan. Hasil peramalan yang di perolehi, di percayai keadaan seperti ini akan berterusan sehingga tahun 2005.

Pemilihan Model

Berdasarkan hasil kajian, di dapati pekali penentuan (R^2) tidak sesuai dijadikan petunjuk dalam pemilihan model. Oleh itu pemilihan model dibuat berdasarkan ralat peramalan, iaitu nilai SSM dan RKM yang diperolehi. Dua model yang dipilih untuk mewakili kemasukan banduan lelaki dan wanita, adalah ditentukan dari nilai SSM dan RKM yang terkecil.

Kaedah Ralat Peramalan

Pemilihan model dibuat berasaskan analisa terhadap ralat peramalan. Kajian ini memperuntukan model purata pergerakan tiga (MA3) di samping model regresi, sebagai perbandingan untuk menentukan kebagusan model yang bakal dipilih. Dua pendekatan digunakan iaitu menentukan nilai min hasil tambah sisihan mutlak (SMM) dan nilai min hasil tambah ralat kuasa dua (RKM). Ringkasan keputusan yang di perolehi adalah seperti Jadual 17a dan 17b;

Jadual 17a : Pemilihan Model Kemasukan Banduan Lelaki

Pilihan Model I	Model Regresi		Purata Pergerakan Tiga (MA3)		Keputusan
	SMM	RKM	SMM	RKM	
Keseluruhan banduan lelaki	570	41,315	709	800,194	X
Banduan warga Malaysia	150	25,522	203	49,464	✓
Banduan warga asing	531	349,752	600	680,779	X

Jadual 17b : Pemilihan Model Kemasukan Banduan Wanita

Pilihan Model II	Model Regresi		Purata Pergerakan Tiga (MA3)		Keputusan
	SMM	RKM	SMM	RKM	
Keseluruhan banduan wanita	46	2,825	51	3,804	X
Banduan warga Malaysia	22	650	79	1,001	✓
Banduan warga asing	25	1,061	32	1,466	X

Ekoran daripada pembahagian gender yang perlu dilakukan, kajian ini memutuskan untuk memilih dua model regresi yang paling signifikan. Maklumat yang terkandung dalam jadual di atas membantu dalam pilihan yang dibuat. Asas pemilihan ialah model regresi yang memberi nilai SSM dan RKM yang terkecil.

Keputusan yang di perolehi ialah model regresi kemasukan banduan lelaki warganegara Malaysia di pilih sebagai model untuk meramal kemasukan banduan lelaki ke penjara Alor Setar.

$$y = 764.733 + 43.776X \quad (5.1)$$

Model regresi untuk kemasukan banduan wanita warganegara Malaysia pula dipilih sebagai model kedua untuk meramal kemasukan banduan wanita.

$$y = 74.000 - 2.000X \quad (5.2)$$

Keputusan yang di perolehi dari ralat peramalan model purata pergerakan tiga (MA3) juga konsisten dengan keputusan tersebut yakni, nilai ralat peramalannya juga merupakan nilai yang terkecil.

Faktor lain yang boleh di ambilkira untuk pemilihan model ialah melihat kepada pengaruh kemasukan warganegara asing. Kemasukan mereka bukanlah suatu aliran yang konsisten. Ini dapat dilihat pada tahun 1995 dan 1996 di mana bilangan masing-masing 2,034 dan 2,071 orang, sedangkan pada tahun yang lain bilangannya jauh lebih rendah.

Model untuk meramal kemasukan banduan wanita juga dilihat dari aspek yang sama. Walaupun data tempoh kajian memperlihatkan aliran kemasukan yang hampir sekata antara banduan wanita warganegara Malaysia dan asing, untuk tempoh jangkamasa yang lebih panjang kemasukan banduan warganegara asing termasuk wanita amat tidak menentu dan sukar dikawal.

Perbandingan Model

Analisa terhadap dua model yang digunakan iaitu regresi dan purata pergerakan tiga, keputusan mendapati model regresi lebih tepat dan sesuai berbanding model purata pergerakan tiga, kerana ralat peramalan untuk model regresi adalah lebih kecil. Berdasarkan model, kemasukan banduan lelaki warganegara Malaysia (model pilihan) di dapati SSM model regresi ialah 1,051 dan RKM bernilai 178,655. Manakala model purata pergerakan tiga menunjukkan nilai SSM 1,423 dan RKM sebanyak 346,245. Bagi model kemasukan wanita warganegara Malaysia (model pilihan), di dapati analisa regresi mempunyai nilai SSM dan RKM masing-masing 152 dan 4,550. Model purata pergerakan tiga menghasilkan SSM 204 dan RKM 7,004.

Asas pemilihan ialah, model yang memberi nilai SSM dan RKM yang terkecil. Ini bermakna model regresi adalah lebih baik berbanding model purata pergerakan tiga.

Aliran Kemasukan Banduan

Laporan yang ditemui di beberapa negara lain memperlihatkan aliran banduan ke penjara yang meningkat dari tahun ke setahun. Rata-rata peningkatan ini melibatkan kedua-dua kategori banduan iaitu lelaki dan wanita. Di Amerika Syarikat umpamanya kadar kemasukan banduan wanita di jangka akan melebihi kadar kemasukan banduan lelaki.

Analisa regresi terhadap kemasukan banduan lelaki ke penjara Alor Setar sehingga tahun 2005 menunjukkan aliran yang meningkat sepertimana yang di jangka berlaku di beberapa penjara lain di dunia. Pada tahun 2000 jumlah banduan di ramalkan ialah seramai 1,246 orang dan di anggarkan meningkat sehingga 1,465 orang pada tahun 2005.

Keadaan sebaliknya berlaku bagi ramalan kemasukan banduan wanita warganegara Malaysia. Ini adalah kerana analisa regresi memperlihatkan aliran yang menurun mengikut tahun. Pada tahun 2000 kemasukan tahunan banduan wanita ke penjara Alor Setar diramalkan seramai 52 orang dan angka ini di jangka mengecil kepada 42 orang pada tahun 2005.

Secara keseluruhan diramalkan kemasukan banduan lelaki dan wanita ke penjara Alor Setar pada tahun 2000 hingga 2005 ialah 8,416 orang seperti ditunjukkan dalam Jadual 18.

Jadual 18 : Kemasukan Banduan Diramalkan Tahun 2000 Hingga 2005

Tahun	Lelaki	Wanita	Keseluruhan
2000	1,246	52	1,298
2001	1,290	50	1,340
2002	1,334	48	1,382
2003	1,378	46	1,424
2004	1,421	44	1,465
2005	1,465	42	1,507
Keseluruhan	8,134	282	8,416

Pengurangan kemasukan banduan wanita ke penjara Alor Setar di jangka akan berlaku kerana keberkesanan hukuman penjara untuk mengurangkan kejadian jenayah yang melibatkan golongan tersebut. Ini dibuktikan dengan kemasukan semula bagi kali kedua dan seterusnya yang amat berkurangan. Contohnya dalam tahun kajian (1990 hingga 1999) terdapat seramai 540 orang wanita warganegara Malaysia yang masuk ke penjara Alor Setar bagi kali pertama. Pada tempoh yang sama kemasukan kali kedua hanyalah seramai 54 orang iaitu pengurangan 10 kali ganda.

Analisa Diskriptif

Maklumat yang di perolehi dari analisa diskriptif boleh membantu pihak pengurusan dalam merencanakan polisi jabatan. Apabila kumpulan sasaran telah di kenalpasti, program yang di wujudkan akan menjadi lebih berkesan khususnya dalam usaha memulihkan banduan di penjara.

Pengaruh Umur

Data yang di perolehi menunjukkan kumpulan umur yang banyak mendiami penjara Alor Setar adalah di antara 21 hingga 39 tahun. Mereka ini adalah kumpulan yang di kelaskan sebagai golongan belia dan merupakan aset utama negara.

Dua aspek perlu diberi perhatian iaitu usaha memulihkan mereka di dalam penjara dengan mengambilkira faktor umur tersebut. Ini adalah peranan yang perlu diberi perhatian oleh pengurusan penjara

Alor Setar. Perkara kedua yang perlu diberi perhatian ialah menyedarkan masyarakat dan mengambil tindakan yang lebih sesuai untuk menghadapi kumpulan belia yang bebas di luar. Agensi kerajaan dan swasta perlu berkerjasama untuk menghadapi masalah yang melibatkan kumpulan tersebut. Ini penting supaya penglibatan mereka dalam aktiviti negatif dan melanggar peraturan dapat dibendung. Wawasan negara untuk menjadi negara maju menjelang 2020 amat bergantung kepada sumber manusia yang di milikinya. Sekiranya kumpulan yang menjadi aset utama negara tidak dapat mewarisi asas yang telah diwujudkan, maka sudah pasti usaha yang dilakukan selama ini menjadi sia-sia malahan boleh terdedah pada ancaman luar.

Taraf Pendidikan

Taraf pendidikan banduan telah memberi satu petunjuk yang jelas iaitu semakin tinggi taraf pendidikan, bilangan yang terlibat dengan jenayah akan berkurangan. Hubungan seperti ini secara logik boleh di terima pada masa sekarang. Ini dilihat dari segi keupayaan pemikiran untuk memilih jalan betul dan salah. Secara umumnya mereka yang telah menerima pendidikan formal yang tinggi pasti mempunyai pengetahuan yang lebih dan mampu untuk memberi pertimbangan yang wajar terhadap sebarang tindakan yang diambil. Sebaliknya bagi mereka yang tidak pernah menerima pendidikan formal atau menerima pendidikan di peringkat asas (sekolah rendah)

umumnya muda terdedah dengan perlakuan yang melanggar undang-undang.

Tingkat Pendapatan

Kemiskinan adalah antara faktor yang boleh dikaitkan sebagai salah satu punca penglibatan dalam jenayah. Ini disebabkan kesempitan hidup yang dialami oleh mereka akibat tiada pekerjaan atau pendapatan yang tidak mencukupi untuk menyara hidup. Perkara ini dapat di jelas dan di buktikan dari kemasukan tahunan banduan di penjara Alor Setar. Terdapat seramai 16,523 atau 76.5% dari 21,611 banduan yang tidak mempunyai pendapatan dan pendapatan di bawah RM 499.00. Ini dikaitkan dengan kemiskinan, di mana paras tersebut berada hampir dengan garis kemiskinan di Semenanjung Malaysia iaitu RM 460.00 (anggaran kemiskinan tahun 1997). Walaupun apa alasan untuk melakukan jenayah, soal kemiskinan dan kesempitan hidup golongan tersebut perlu diberi perhatian.

Ahli psikologi Maslow telah membuktikan perkara ini menerusi teori hiraknya di mana manusia memerlukan keperluan asas dalam kehidupannya. Apabila manusia ketiadaan wang untuk mendapatkan keperluan asas maka pelbagai cara digunakan untuk memperolehi keperluan tersebut samada mengikut undang-undang atau melanggarnya. Usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan adalah satu langkah positif ke arah mengurangkan jenayah.

Bilangan Kali Masuk Penjara

Secara umumnya 62.4% banduan penjara Alor Setar dalam tempoh kajian merupakan mereka yang ditahan kali pertama. Selebihnya 37.6% merupakan mereka yang kembali ke penjara selepas dibebaskan (kemasukan semula). Kemasukan ini melibatkan kali yang kedua atau lebih.

Banyak faktor yang boleh di kemukakan untuk menghujahkan perkara ini. Secara umum tiga aspek dapat dilihat iaitu dari perspektif keberkesanan program pemulihan jabatan penjara, perspektif kehidupan bekas banduan itu sendiri dan perspektif masyarakat kepada bekas banduan. Kajian ini tidak bertujuan untuk melihat kumpulan mana yang menyebabkan berlakunya kemasukan berulang. Apa yang hendak ditekankan ialah memberi kesedaran akan kewujudan fenomena ini dan langkah untuk mengurangkan kadar kemasukan berulang ini perlu ditangani secara bersama oleh ketiga-tiga kumpulan.

Tempoh Hukuman

Pada tempoh kajian yang dijalankan di dapati 39.7% banduan lelaki dan wanita yang ditahan menjalani hukuman di bawah enam bulan. Ini di kelaskan sebagai hukuman singkat (ringan) dalam perspektif penjara. Terdapat juga mereka ini kumpulan yang

gagal untuk menjelaskan denda yang dikenakan sebagai pilihan kepada hukuman penjara.

Mereka yang ditahan bawah tempoh enam bulan ini turut menyumbang dan menjadi faktor kesesakan banduan di penjara. Oleh itu strategi khas untuk menangani kumpulan ini perlu diberi perhatian seperti mengujudkan hukuman alternatif yang tidak memerlukan mereka dihantar ke penjara. Sekiranya 39.7% banduan diberi hukuman alternatif, maka akan terdapat ruang yang mencukupi dan selesa untuk menahan mereka yang menjalani hukuman yang lebih lama.


Keadaan seperti ini adalah penting kerana nisbah antara pegawai penjara dan banduan akan menjadi lebih kecil dan program yang dijalankan khususnya pemulihan menjadi lebih berkesan. Di samping itu perkara ini penting apabila dilihat kesan pemenjaraan kepada pesalah ringan. Mereka di penjara bersama dengan pesalah yang telah berpengalaman dalam melakukan jenayah berat. Perkara ini tidak dapat dielakkan kerana masalah tempat yang tidak mencukupi. Kesannya, pesalah ringan berkemungkinan akan terpengaruh dengan mereka yang telah mahir dalam jenayah berat dan meniru tingkah laku tersebut apabila bebas. Henry Miller (1945), pernah menyatakan, *"Prison of course is the school of crime par excellence. Until one has gone through that school, one is only an amateur"*.

Pendapat Henry Miller di sokong oleh James A. Inciardi (1996);

Once they were internalized, however the prisonized inmate become immune, for the most part, to the influence of conventional value systems. This suggests that the process of prisonization transforms the novitiate inmate into fully accredited convict; it is a criminalization process that militates against any reform or rehabilitation.

Banduan Kes Dadah

Terdapat 6,096 banduan yang disabitkan dibawah Akta Dadah Merbahaya sepanjang tahun kajian. Pecahan kes seperti di Rajah 15. Seramai 3,396 banduan (55.7%) disabitkan di bawah Sek. 12(2) Akta Dadah Merbahaya. Seksyen tersebut berkaitan penyalahgunaan dan penagihan dadah. Oleh itu program pemulihan perlu memberi penekanan kepada perkara tersebut.



Status Penjara Alor Setar Masa Kini dan Masa Depan

Penjara Alor Setar telah dibina pada tahun 1893 oleh pemerintah British. Ini bermakna ia telah berusia kira-kira 107 tahun. Bangunan asal masih digunakan di samping bangunan baru yang dibina untuk menampung kemasukan yang meningkat. Malangnya, pertambahan bangunan baru melibatkan kawasan tapak asal. Keadaan ini menyebabkan ruang lapang yang di perlukan menjadi makin kecil secara relatif. Tapak penjara tersebut juga kini telah berada di kawasan pinggir bandar yang mempunyai nilai komersial.

Pengaruh persekitaran yang berlaku telah membawa kepada usaha untuk memindahkan tapak penjara tersebut ke kawasan baru iaitu di Pokok Sena. Pembinaan penjara Pokok Sena di atas tanah seluas 78.9 hektar, menelan belanja lebihkurang RM 169,400,000 di jangka siap pada penghujung tahun 2002. Ia mampu untuk menempatkan seramai 2000 banduan dalam satu masa iaitu 1800 banduan lelaki dan 200 banduan wanita. Kedudukan ini akan mengatasi masalah kesesakan yang kini melanda penjara Alor Setar sehingga 2005, berasaskan keputusan ramalan dari kajian ini.

BAB 6

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kesimpulan

Kajian yang dijalankan telah mencapai ketiga-tiga objektif yang digariskan. Di samping itu persoalan kajian yang di kemukakan telah berjaya mendapat penjelasan. Kajian ini mendapati model regresi dengan menggunakan data kemasukan banduan lelaki warganegara Malaysia adalah lebih sesuai digunakan untuk meramal kemasukan banduan lelaki ke penjara Alor Setar sehingga tahun 2005. Keputusan yang sama di perolehi untuk meramalkan kemasukan tahunan banduan wanita iaitu menggunakan aliran kemasukan banduan wanita warganegara Malaysia.

Aliran kemasukan banduan ke penjara Alor Setar di jangka berbeza bagi banduan lelaki dan wanita. Banduan lelaki diramalkan mempunyai aliran kemasukan yang meningkat mengikut tahun sehingga 2005. Aliran kemasukan ini adalah selaras sepertimana dilaporkan dalam kebanyakan kajian terdahulu di beberapa negara luar.

Keadaan sebaliknya di jangka berlaku terhadap kemasukan tahunan banduan wanita, di mana analisa memperlihatkan aliran kemasukan yang menurun mengikut tahun (ini berasaskan keputusan yang di buat iaitu memilih analisa dari data aliran kemasukan banduan wanita warganegara

Malaysia). Keputusan ini berbeza dengan analisa yang dijalankan untuk meramal kemasukan banduan wanita di beberapa negara lain seperti di Amerika Syarikat.

Menerusi kaedah peramalan dengan menggunakan model regresi, di dapati bilangan banduan pada tahun 2000 dan 2001, masing-masing berjumlah 1,246 dan 1,290 orang. Bilangan tersebut terus diramalkan meningkat kepada 1,334 orang pada 2002 dan 1,378 orang pada 2003. Seramai 1,421 orang diramalkan pada tahun 2004 dan seterusnya 1,465 pada 2005. Kemasukan tahunan banduan wanita untuk tempoh yang sama diramalkan menurun iaitu daripada 52 orang pada tahun 2000 kepada 50 orang sepanjang 2001. Pada tahun 2002 dan 2003 bilangannya di anggarkan 48 dan 46 orang. Kedudukan ini terus di jangka berkurangan kepada 44 dan 42 orang pada tahun 2004 dan 2005.

Kajian yang dijalankan ini juga menunjukkan kedudukan demografi banduan di penjara Alor Setar. Analisa terhadap 21,611 banduan sabitan yang di penjara dikaji dari sudut gender, umur, taraf pendidikan, tingkat pendapatan, tempoh hukuman dan bilangan kali masuk penjara. Bilangan banduan lelaki ialah 19,974 orang dan selebihnya (1,637) adalah wanita. Terdapat 17,607 banduan (81.5%) tidak mempunyai latarbelakang pendidikan formal yang baik atau hanya setakat berpendidikan sekolah rendah. Kira-kira 16,523 banduan (76.5%) yang ditahan terdiri daripada mereka yang berpendapatan RM 499.00. Paras tersebut hampir pada garis kemiskinan penduduk Semenanjung Malaysia pada tahun 1997 iaitu

RM 460.00. Manakala golongan belia berusia 21 hingga 39 tahun adalah kumpulan banduan yang teramai iaitu 13,684 orang atau 63.3% dari keseluruhan banduan sabitan. Analisa terhadap tempoh hukuman mendapati majoriti banduan yang di sabitkan terdiri daripada mereka yang menjalani hukuman ringan (hukuman kurang dari enam bulan) seramai 13,135 orang (60.7%). Bilangan banduan teramai juga di dapati di kalangan mereka yang dihukum penjara untuk kali yang pertama iaitu 13,960 orang (64.6%).

Cadangan

Peramalan kemasukan banduan ke penjara perlu dilakukan dari masa ke semasa. Ini adalah kerana faktor kemasukan banduan dan polisi semasa sering berubah dan model yang di bentuk ini tidak semestinya sesuai digunakan untuk masa yang lebih panjang. Di samping itu juga bagi memudahkan penggubalan polisi jabatan, kaedah peramalan ini juga boleh dijalankan secara khusus mengikut keperluan. Contohnya untuk mengadakan program pemulihan dadah, peramalan boleh dilakukan khusus untuk melihat unjuran kemasukan banduan sabitan kes dadah di masa hadapan.

Kajian yang dijalankan ini juga boleh di anggap sebagai projek perintis untuk meramal kemasukan banduan ke penjara. Kaedah ini boleh diperkembangkan untuk meramal kemasukan banduan sabitan ke institusi penjara yang lain. Selain daripada itu konsep yang sama juga boleh

di ketengahkan untuk meramal kemasukan banduan sabitan ke seluruh penjara Malaysia.

Sebagai langkah untuk mengurangkan populasi penjara, hukuman alternatif perlu diwujudkan di negara ini. Hukuman alternatif sesuai terhadap mereka yang melakukan kesalahan kecil, di mana memperuntukan hukuman yang ringan. Langkah ini di jangka dapat mengurangkan masalah kesesakan banduan di penjara. Pesalah imigresen umpamanya, di saran tidak perlu untuk menjalani hukuman di penjara. Kem-kem tahanan untuk pendatang tanpa izin adalah sesuai kepada kumpulan tersebut. Hukuman alternatif lain yang boleh di ketengahkan ialah seperti khidmat kemasyarakatan untuk membersihkan tempat-tempat awam, rumah ibadat dan sekolah. Untuk mengujudkan program seperti ini, infrastruktur undang-undang dan pentadbiran perlu di adakan terlebih dahulu.

Institusi penjara telah di anggap dan digunakan sebagai institusi serbaguna bagi pengendalian jenayah dalam sistem keadilan jenayah di negara ini. Untuk membolehkan usaha pemulihan dalam penjara memberi kesan yang positif, penjara perlulah hanya menerima kes-kes yang sesuai untuk modaliti penjara sahaja. Sistem keadilan jenayah negara perlu lebih inovatif untuk mengujudkan modaliti -modaliti bercorak bukan memerlukan pesalah tertentu dihantar ke penjara. Mengujudkan undang-undang yang memperuntukan hukuman penjara seharusnya di jadikan pilihan terakhir.

Sebagai tujuan memantapkan lagi proses peramalan beberapa perkara perlu diberi perhatian seperti mengenalpasti adakah sistem keadilan jenayah

berubah, kerana ianya akan memberi kesan kepada populasi penjara dan kesan terhadap keputusan ramalan. Begitu juga pertambahan penduduk perlu diambil kira.

Kecanggihan teknologi boleh diguna untuk melakukan tugas meramal kemasukan banduan ke penjara. Pengujudan perisian yang sesuai akan menjadikan kaedah dan hasil peramalan lebih efisien dan tepat. Sistem maklumat terkini mampu untuk memudahkan kerja yang di anggap sukar sebelum ini. Selain faktor peralatan, pembangunan sumber manusia juga perlu diberi perhatian dengan menekankan latihan kepada mereka yang berkenaan.

Kejadian jenayah yang kian kompleks merumitkan pihak yang terlibat dalam sistem keadilan jenayah negara. Oleh itu persediaan untuk menghadapi perkara ini seperti meramalkan kejadian jenayah dan bilangan yang terlibat wajar diberi perhatian yang serius.

Bibliografi

1. Abdul Hadi Bin Zakaria (1992), 'Keberkesanan Hukuman Penjara: Satu Pandangan Dari Segi Sosiologi', Kertas seminar, 'Seminar Hukuman: Alternatif Kepada Hukuman Penjara' Anjuran Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan Kementerian Kehakiman Malaysia, di Institut Tadbiran Awam Malaysia (INTAN) 3-4 Mac 1992.
2. Abramkin, V. (1998), 'Reducing Russia's prison population', International Bulletin of Moscow Centre for Prison Reform, Moscow 1998. Online article, available: <http://penalreform.org/english/abramkin.htm>
3. Ahmad Mohd. Yusof (1992), 'Kaedah Peramalan Asas', Cetakan Pertama, Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
4. Ahmad Sarji Bin Abdul Hamid (1996), 'Perkhidmatan awam menuju era baru', Institut Tadbiran Awam Negara, Kuala Lumpur.
5. Archambeault, G. W. and Archambeault, J. B. (1982), 'Correctional Supervisory Management-Principles of organization, policy and law', Prentice Hall, United States of America.
6. BBC online network (1999), 'World: Europe Turkey to reform overcrowded prisons', online article, available: http://news2.thls.bbc.co.uk/hi/english/world/europe/newsid_368000/368204.stm
7. Beck, R. A. (1996), 'Forecasting: Fiction and utility in jail construction planning', Online article, available: <http://www.justiceconcepts.com/forec.htm>
8. Beck, R. A. (1997), 'The improvement opportunity factor: Don't automate inefficient offender management practices', online article, available: <http://www.justiceconcepts.com/opport.htm>
9. Beck, R. A. (1998), 'Two approaches for determining jail needs', Online article, available: <http://www.justiceconcepts.com/jailned.htm>
10. Berita Harian (11.3.2000), 'Mogok lapar di penjara Paraguay', mukasurat 15.
11. Berita Harian (19.2.98), '4000 lari dari penjara', mukasurat 21
12. Berita Harian (20.3.2000), '400 tahanan juvana merusuh', mukasurat 11

13. Berita Harian (3.3.1999), 'Banduan Palestin merusuh', mukasurat 14.
14. Berita Harian (9.2.1999), 'Banduan tahan wanita, budak di Bogota', mukasurat 11.
15. Bohm, M. R. and Haley, N. K. (1998), 'Introduction to criminal justice' 2nd edition, Glencoe McGraw-Hill, United States of America.
16. Bureau of Justice Statistics, U. S. Department of Justice (1999), 'Prisoners in 1998', online article, available: <http://www.ojp.usdoj.gov/bjs/abstract/p98.htm>
17. Dharmadasa, H. G. (1990), 'The problem of imprisonment, overcrowding of prison – The search for solutions', Resource material series no. 38, UNAFEI, Fuchu, Tokyo, Japan.
18. Dougherty, E. J. (2000), 'Prison population explosion- Officials foresee 50% jump in number of federal inmates', WorldNet Daily, online article, available: http://www.worldnetdaily.com/bluesky_dougherty/20000229_xnjdo_prison_pop.shtml
19. DuPont, L. R. (1997), 'Violence and drugs', Journal of Psychoactive Drugs Vol.29 (4), October-December 1997, online article, available: <http://www.druglibrary.org/schaffer/Misc/violdrugs.htm>
20. Finkelstein, E. (1993), 'Prison Culture: An Inside View', Avebury, Ashgate Publishing Limited, England.
21. GAO Report and Testimony (1996), 'Federal and state Prisons: Inmate populations, costs and projection models', online article, available: <http://www.gao.gov/AindexFY97/abstracts/gg97015.htm>
22. Gerrick, A. (2000), 'Report shows record U.S prison population', Policy.com, online article, available: <http://www.policy.com/news/dbrief/dbriefarc307.asp>
23. Harian Metro (9.2.1999), '13 banduan kena bakar', mukasurat 15.
24. Inciardi, A. J. (1996), 'Criminal Justice', 5th edition, Harcourt Brace College Publishers, United States of America.
25. Kerajaan Malaysia (1999), 'Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke Tujuh 1996-2000', Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
26. Klofas, J. and Stojkovic, S. (1995), 'Crime and Justice in the year 2010', Wadsworth Publishing Company An International Thomson Publishing Company.

27. Latimes.com News Nation & World (2000), 'A nation of too many prisoners?', online article, available:
http://www.latimes.com/news/nation/updates/lat_prison000215.htm
28. Malay Mail (1.3.2000), 'Five inmates die in Lima prison riots', page 9.
29. Manzano, P. (1996), 'State plan huge prison expansion', The Oregonian Jun 19, 1996, pp. A1&A12. Online article, available:
http://www.pdxnorml.org/pdxnorml/O_huge_prison_expansion_061996.html
30. Miller, S. D. and Catt, E. S. (1989), 'Human Relations – A Contemporary Approach', Richard D. Irwin, Inc. Library of Congress cataloging-in-Publication Date.
31. Ministry of Justice (1999), 'Sentencing in New Zealand: A statistical analysis', Publication Reports:1999. Online article, available:
http://www.justice.govt.nz/pubs/reports/1999/sentence_in_nz/ex_summary.html
32. Mohamad Bin Hussain (1992), 'Penghukuman Alternatif Dari Aspek Perintah Perkhidmatan Masyarakat', Kertas seminar, 'Seminar Hukuman: Alternatif Kepada Hukuman Penjara' Anjuran Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan Kementerian Kehakiman Malaysia, di Institut Tadbiran Awam Malaysia (INTAN) 3-4 Mac 1992.
33. Mohd. Yassin Bin Jaafar (1992), 'Penahanan Banduan Reman', Kertas seminar, 'Seminar Hukuman: Alternatif Kepada Hukuman Penjara' Anjuran Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan Kementerian Kehakiman Malaysia, di Institut Tadbiran Awam Malaysia (INTAN) 3-4 Mac 1992.
34. O'Grady, K. (1998), 'Prison vastly overcrowded, rights commission finds', online article, available:
<http://www.bday.co.za/98/0515/news/n10.htm>
35. Peak, J. K. (1998), 'Justice Administration – Police, Courts & Corrections Management', 2nd edition, Prentice Hall United State of America.
36. Schmalleger, F. (1995), 'Criminal Justice Today-An introduction text for the 21st century' 3rd edition, Prentice Hall Career & Technology, United States of America.
37. Songsamphant, P. (1990), 'Alternatives to imprisonment to cope with overcrowding', Resource material series no. 38, UNAFEI, Fuchu, Tokyo, Japan.

38. Soo, O. K. (1997), 'The desirable selection of non-custodial measures for offences at the pre-sentencing and sentencing stages', Annual Report for 1996 and Resource Material series no. 51, UNAFEI, Fuchu, Tokyo, Japan.
39. Stoner, A.F.J. and Wankel, C. (1985), 'Management' 3rd edition, Prentice Hall, Inc.
40. Sun (15.6.1999), '86 inmates break out of Brazilian prisons', page 24.
41. Sun (28.9.1999), '10 inmates dead, 93 held hostage in prison riots', page 25.
42. Taylor III, W. B. (1999), 'Introduction to Management Science' 6th ed., Prentice-Hall, Inc.
43. The Star (15.4.98), 'Feud claims 14 lives in Bogota jails', page 25.
44. Tracking, B. (1996), 'House joint resolution no. 128', online article, available: <http://leg1.state.va.us/961/ful/HJ128ER.HTM>
45. Triggs, S. (1995), 'Forecasting New Zealand's prison population', online article, available: <http://www.justice.govt.nz/pubs/reports/1995/prison/forecast.html>

Apendik 1

Taburan Umur Banduan Penjara Alor Setar 1990-1999

Tahun	Kurang 21 Tahun				21 Hingga 39 Tahun				40 Tahun Dan Lebih				Jumlah
	W. M'sia		W. Asing		W. M'sia		W. Asing		W. M'sia		W. Asing		
	L	W	L	W	L	W	L	W	L	W	L	W	
1990	0	13	0	40	609	58	279	58	109	0	38	5	1,209
1991	6	20	0	101	657	53	388	52	111	12	35	3	1,438
1992	74	9	7	26	751	33	178	52	181	10	47	2	1,370
1993	79	18	89	15	852	28	203	17	211	2	51	1	1,566
1994	46	24	4	29	657	83	429	100	120	9	56	1	1,558
1995	106	6	1,304	5	558	36	637	55	212	2	93	0	3,014
1996	106	4	1,229	9	947	34	765	88	218	0	77	0	3,477
1997	271	5	670	17	764	27	898	78	199	9	40	11	2,989
1998	230	35	442	60	773	30	659	50	190	7	179	10	2,665
1999	56	38	80	17	804	40	876	28	140	3	238	5	2,325
Jumlah	974	172	3,825	319	7,372	422	5,312	578	1,691	54	854	38	21,611

Appendik 2

Taburan Taraf Pendidikan Banduan Penjara Alor Setar 1990-1999

Tahun	Tidak Pernah Bersekolah		Pendidikan Darjah 1-6		Pendidikan Tingkatan 1-3		Pendidikan Tingkatan 4-5		Jumlah								
	W. M'sia	W. Asing	W. M'sia	W. Asing	W. M'sia	W. Asing	W. M'sia	W. Asing									
1990	30	17	24	19	267	26	171	84	264	28	121	0	157	0	1	0	1,209
1991	82	34	129	95	467	39	257	50	177	10	37	11	48	2	0	0	1,438
1992	174	11	96	18	652	20	130	30	111	10	21	7	79	1	9	1	1,370
1993	74	10	120	14	586	32	205	15	331	10	11	6	138	9	4	1	1,566
1994	131	9	159	95	477	12	267	49	240	21	37	11	38	11	1	0	1,558
1995	226	2	1,882	17	372	11	117	43	246	12	25	0	32	19	10	0	3,014
1996	181	4	1,522	4	848	13	506	58	154	11	51	27	93	5	0	0	3,477
1997	186	4	1,564	19	854	12	52	24	114	23	20	35	80	2	0	0	2,989
1998	122	43	880	110	635	18	256	10	282	9	132	0	154	2	12	0	2,665
1999	60	10	535	123	489	32	586	0	329	10	0	0	141	10	0	0	2,325
Jumlah	1,266	144	6,911	514	5,647	215	2,547	363	2,248	144	455	97	960	1	37	2	21,611

Appendik 3

Taburan Tempoh Hukuman Banduan Penjara Alor Setar 1990-1999

Tahun	Bawah 6 Bulan				6 Bulan Hingga 3 Tahun				3 Tahun hingga 6 Tahun				6 Tahun Dan Keatas				Hukuman Mati				Jumlah
	W. M'sia	W. Asing	W. M'sia	W. Asing	W. M'sia	W. Asing	W. M'sia	W. Asing	W. M'sia	W. Asing	W. M'sia	W. Asing	W. M'sia	W. Asing	W. M'sia	W. Asing	W. M'sia	W. Asing			
1990	111	34	255	101	525	35	62	1	61	2	0	0	16	0	0	1	5	0	0	1,209	
1991	139	36	362	94	508	44	51	62	85	2	5	0	28	5	4	0	12	0	1	1,438	
1992	248	26	183	41	596	23	32	39	120	1	10	1	44	0	5	0	0	0	0	1,370	
1993	237	16	293	30	538	28	30	3	261	2	8	0	107	1	11	0	0	0	0	1,566	
1994	202	65	426	96	499	41	55	32	90	9	7	1	31	2	2	0	0	0	0	1,558	
1995	283	25	1,972	49	406	17	45	11	147	2	17	0	37	0	0	0	3	0	0	3,014	
1996	517	27	1,995	94	502	8	63	3	194	3	9	0	58	0	4	0	0	0	0	3,477	
1997	286	25	1,566	98	850	15	40	8	65	1	1	0	32	0	0	0	1	0	1	2,989	
1998	532	43	1,156	110	326	26	107	10	262	2	12	0	73	1	4	0	0	0	1	2,665	
1999	114	35	1,113	100	866	8	8	23	23	12	0	0	16	7	0	0	0	0	0	2,325	
Jumlah	2,669	332	9,321	813	5,616	245	493	192	1,308	36	69	2	442	16	30	1	21	0	3	21,611	

Appendik 4

Taburan Bilangan Kali Masuk Penjara Banduan Alor Setar 1990-1999

Tahun	Kemasukan Kali Pertama				Kemasukan Kali Kedua				Kemasukan Kali Ketiga Keatas				Jumlah
	W. M'sia		W. Asing		W. M'sia		W. Asing		W. M'sia		W. Asing		
	L	W	L	W	L	W	L	W	L	W	L	W	
1990	302	69	312	103	100	2	4	0	316	0	1	0	1,209
1991	199	64	420	135	168	19	0	21	407	2	3	0	1,438
1992	342	47	225	80	252	2	5	0	412	3	2	0	1,370
1993	494	34	333	31	231	6	10	2	417	8	0	0	1,566
1994	378	103	484	126	172	10	6	2	272	4	0	1	1,558
1995	473	40	1,776	60	274	4	98	0	129	0	160	0	3,014
1996	214	36	1,855	95	408	0	101	2	649	2	115	0	3,477
1997	408	34	1,320	106	328	7	659	0	498	0	100	0	3,460
1998	377	65	990	120	334	4	200	0	482	3	90	0	2,665
1999	482	48	1,057	123	275	0	52	12	274	2	0	0	2,325
Jumlah	3,669	540	8,772	979	2,542	54	1,135	39	3,856	24	471	1	21,611

Appendik 5

Taburan Tingkat Pendapatan Banduan Penjara Alor Setar 1990-1999

Tahun	Bawah RM 499.00				RM 500.00-RM 749.00				RM 800.00 Dan Lebih				Jumlah
	W. M'sia		W. Asing		W. M'sia		W. Asing		W. M'sia		W. Asing		
	L	W	L	W	L	W	L	W	L	W	L	W	
1990	479	71	314	103	199	0	3	0	40	0	0	0	1,209
1991	469	81	303	151	203	2	93	4	104	0	28	0	1,438
1992	720	48	172	79	201	3	60	1	85	1	0	0	1,370
1993	925	42	276	32	217	6	67	1	0	0	0	0	1,566
1994	569	111	436	125	215	5	54	4	38	1	0	0	1,558
1995	686	40	2,034	54	142	3	0	3	48	1	0	0	3,014
1996	765	36	1,756	94	412	2	299	2	94	0	16	1	3,477
1997	751	39	1,500	86	321	2	55	20	162	0	53	0	2,989
1998	644	72	1,200	120	465	0	55	0	59	25	25	0	2,665
1999	366	62	589	123	290	0	317	0	363	0	215	0	2,325
Jumlah	6,374	602	8,580	967	2,665	23	1,003	35	993	28	337	4	21,611

400 tahanan juvarena merusuh

Banduan Feud claims 14 lives in Bogota jail

"Kami melihat kejadian di televisyen semalam dan tertanya-tanya mengapa kami tidak berhak keluar selama lima hari..."

block murdered Oscar Rodriguez, the ringleader of a gang that controls two other blocks. About two hours later, Rodriguez's henchmen, armed with guns and knives they had smuggled into the prison, reacted by storming cellblock No 4 and killing 13 inmates, he said. "They took it by assault," Bernal said, adding that Rodriguez's followers overwhelmed guards before storming into the area that housed their leader's killers. — Reuters

HAITULMAQDIS, Selasa — tentera Israel melepaskan gas beracun untuk menyuntikan rusuhan oleh banduan Palestin di penjara tentera di Legiddo, semalam. Jurucakap tentera berkata, gas askar Israel dan beberapa banduan dirawat kerana idu gas pembeda. Bagaimanapun, dia menyebut jun.

Banduan yang menyertai di utara Israel ini. Sumber Pel. seorang banduan menemui keluarga beritahu, kira-kira memb...

Five inmates die in Lima prison riots

LIMA: police from the Lurigancho 132000 uprising that led to...

BOGOTA, Isnin — 10 banduan m... luh-puluh wa... kanak sebagai membanta... penjara, d... lombia se... Ramr

13 banduan kena bakar

SAO PAULO: Tiga belas banduan bakar dalam sebuah penjara

BANTAH... banduan menguasai sebuah penjara Paragway yang penuh sesak pinggir ibu negara, Asuncion. Penjara itu terletak di mogok lapar sejak dua hari lalu.

BERITA HARIAN 11.3.2000

BERITA HARIAN 19.2.1999

BERITA HARIAN 19.2.1998

BERITA HARIAN 11.3.2000

BERITA HARIAN 11.3.2000

BERITA HARIAN 15.4.1998

BERITA HARIAN 19.2.1998

BERITA HARIAN 19.2.1998

BERITA HARIAN 11.3.2000

BERITA HARIAN 11.3.2000

CAPE TOWN, Rabu — Hampir 4,000 banduan lari daripada tahanan polis di Afrika Selatan hari ini menunjukkan kurang dari empat dalam 10 ditahan semula. Pegawai kanan pol...

CAPE TOWN, Rabu — Hampir 4,000 banduan lari daripada tahanan polis di Afrika Selatan hari ini menunjukkan kurang dari empat dalam 10 ditahan semula. Pegawai kanan pol...

CAPE TOWN, Rabu — Hampir 4,000 banduan lari daripada tahanan polis di Afrika Selatan hari ini menunjukkan kurang dari empat dalam 10 ditahan semula. Pegawai kanan pol...

CAPE TOWN, Rabu — Hampir 4,000 banduan lari daripada tahanan polis di Afrika Selatan hari ini menunjukkan kurang dari empat dalam 10 ditahan semula. Pegawai kanan pol...

CAPE TOWN, Rabu — Hampir 4,000 banduan lari daripada tahanan polis di Afrika Selatan hari ini menunjukkan kurang dari empat dalam 10 ditahan semula. Pegawai kanan pol...



Kira-kira 1,400 banduan yang tertahan di...

Regression

Appendik

Variables Entered/Removed^b

Model	Variables Entered	Variables Removed	Method
1	Tahun X ^a		Enter

a. All requested variables entered.

b. Dependent Variable: Jumlah kemasukan banduan lelaki

Model Summary

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.737 ^a	.543	.486	608.27

a. Predictors: (Constant), Tahun X

ANOVA^b

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	3516643.5	1	3516643.5	9.505	.015 ^a
	Residual	2959892.9	8	369986.61		
	Total	6476536.4	9			

a. Predictors: (Constant), Tahun X

b. Dependent Variable: Jumlah kemasukan banduan lelaki

Coefficients^a

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	861.867	415.524		2.074	.072
	Tahun X	206.461	66.968	.737	3.083	.015

a. Dependent Variable: Jumlah kemasukan banduan lelaki

Regression

Appendik

Variables Entered/Removed^b

Model	Variables Entered	Variables Removed	Method
1	Tahun X ^a		Enter

- a. All requested variables entered.
 b. Dependent Variable: Kemasukan tahunan banduan lelaki warganegara Malaysia

Model Summary

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.660 ^a	.435	.364	160.18

- a. Predictors: (Constant), Tahun X

ANOVA^b

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	158096.15	1	158096.15	6.162	.038 ^a
	Residual	205268.35	8	25658.544		
	Total	363364.50	9			

- a. Predictors: (Constant), Tahun X
 b. Dependent Variable: Kemasukan tahunan banduan lelaki warganegara Malaysia

Coefficients^a

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	764.733	109.426		6.989	.000
	Tahun X	43.776	17.636	.660	2.482	.038

- a. Dependent Variable: Kemasukan tahunan banduan lelaki warganegara Malaysia

Regression

Appendik

Variables Entered/Removed^b

Model	Variables Entered	Variables Removed	Method
1	Tahun X ^a		Enter

- a. All requested variables entered.
- b. Dependent Variable: Kemasukan tahunan banduan lelaki warganegara asing

Model Summary

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.677 ^a	.459	.391	567.42

- a. Predictors: (Constant), Tahun X

ANOVA^b

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	2183474.7	1	2183474.7	6.782	.031 ^a
	Residual	2575762.2	8	321970.28		
	Total	4759236.9	9			

- a. Predictors: (Constant), Tahun X
- b. Dependent Variable: Kemasukan tahunan banduan lelaki warganegara asing

Coefficients^a

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	97.133	387.625		.251	.808
	Tahun X	162.685	62.471	.677	2.604	.031

- a. Dependent Variable: Kemasukan tahunan banduan lelaki warganegara asing

Regression

Variables Entered/Removed^b

Model	Variables Entered	Variables Removed	Method
1	Tahun X ^a		Enter

a. All requested variables entered.

b. Dependent Variable: Jumlah kemasukan banduan wanita

Model Summary

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.050 ^a	.003	-.122	57.61

a. Predictors: (Constant), Tahun X

ANOVA^b

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	67.276	1	67.276	.020	.890 ^a
	Residual	26552.824	8	3319.103		
	Total	26620.100	9			

a. Predictors: (Constant), Tahun X

b. Dependent Variable: Jumlah kemasukan banduan wanita

Coefficients^a

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	168.667	39.356		4.286	.003
	Tahun X	-.903	6.343	-.050	-.142	.890

a. Dependent Variable: Jumlah kemasukan banduan wanita

Regression

Appendik

Variables Entered/Removed^b

Model	Variables Entered	Variables Removed	Method
1	Tahun X ^a		Enter

a. All requested variables entered.

b. Dependent Variable: Kemasukan tahunan banduan wanita warganegara Malaysia

Model Summary

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.248 ^a	.062	-.058	25.08

a. Predictors: (Constant), Tahun X

ANOVA^b

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	330.000	1	330.000	.525	.490 ^a
	Residual	5032.000	8	629.000		
	Total	5362.000	9			

a. Predictors: (Constant), Tahun X

b. Dependent Variable: Kemasukan tahunan banduan wanita warganegara Malaysia

Coefficients^a

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	74.000	17.133		4.319	.003
	Tahun X	-2.000	2.761	-.248	-.724	.490

a. Dependent Variable: Kemasukan tahunan banduan wanita warganegara Malaysia

Regression

Appendik

Variables Entered/Removed^b

Model	Variables Entered	Variables Removed	Method
1	Tahun X ^a		Enter

a. All requested variables entered.

b. Dependent Variable: Kemasukan tahunan banduan wanita warganegara asing

Model Summary

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.093 ^a	.009	-.115	37.66

a. Predictors: (Constant), Tahun X

ANOVA^b

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	99.276	1	99.276	.070	.798 ^a
	Residual	11344.824	8	1418.103		
	Total	11444.100	9			

a. Predictors: (Constant), Tahun X

b. Dependent Variable: Kemasukan tahunan banduan wanita warganegara asing

Coefficients^a

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	94.667	25.725		3.680	.006
	Tahun X	1.097	4.146	.093	.265	.798

a. Dependent Variable: Kemasukan tahunan banduan wanita warganegara asing